

Bil. 60

**Rabu
5 November 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1998	(Ruangan 18)
<u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual -</u> Maksud B.1 hingga B.13	(Ruangan 55)
USUL: Anggaran Pembangunan	(Ruangan 18)
<u>Jawatankuasa:</u> Maksud P.7 dan P.8	(Ruangan 55)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 5 November 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan] tidak hadir]

PELAJAR MARA MENUNTUT DI LUAR NEGERI - BILANGAN

2. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) bilangan pelajar-pelajar MARA yang sedang menuntut di luar negara; dan
- (b) perbelanjaan yang diperuntukkan untuk membiayai kos pengajian mereka dan sejauh manakah pengurangan peruntukan ini mengurangkan peluang pelajar-pelajar ini menuntut di luar negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat persamaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani bertarikh 5 November dan Yang Berhormat dari Serian bertarikh 24 November, saya memohon untuk menjawab kedua-dua soalan berkenaan serentak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Idris bin Jusoh: Untuk soalan;

- (a) Sehingga 30 September 1997 bilangan pelajar tajaan MARA yang sedang menuntut di luar negeri ialah seramai 4,451 orang. Sementara itu pelajar-pelajar tajaan dalam negeri pula ialah 30,640 orang.
- (b) Perbelanjaan yang diperuntukkan untuk membiayai kos pengajian di luar negara dianggarkan sebanyak RM159,810,485 dan RM183,643,763 pula untuk membiayai pelajar di dalam negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan peruntukan yang disediakan oleh MARA, menaja pelajar-pelajar tidak berkurangan, peruntukan lebihan tersebut seterusnya akan digunakan untuk menaja lebih ramai pelajar di dalam negeri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. MARA adalah satu-satunya institusi untuk harapan bumiputera meningkatkan perimbangan kadar pendidikan di kalangan bumiputera melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pelajaran tinggi sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Baru-baru ini sebagaimana kita telah dimaklumkan iaitu MARA akan mengurangkan penajaan penuntut keluar negara. Jadi, persoalan saya, adakah pengurangan ini akan membantutkan usaha kerajaan supaya memperbanyakkan lagi penuntut-penuntut yang belajar di institusi pengajian tinggi oleh kerana saya percaya institusi tempatan belum lagi mencukupi untuk mengisi kehendak-kehendak bumiputera yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Tuan Idris bin Jusoh: Kerajaan telah membuat keputusan supaya MARA tidak menghantar lagi pelajar-pelajar keluar negara. Semua pelajar-pelajar dalam sistem MARA akan diserapmasuk ke dalam pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri sebaik mana yang mungkin dan jika ada apa-apa masalah ia akan dipertimbangkan dan dikaji oleh kerajaan selepas daripada itu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kerajaan ataupun MARA mengurangkan pembiayaan keluar negara dan permintaan untuk pelajar-pelajar masuk ke pengajian tinggi tempatan semakin bertambah, apakah ini bermakna bahawa bilangan pemberian biasiswa ataupun pembiayaan biasiswa kepada pelajar universiti tempatan akan dilipatgandakan. Ini bererti peluang-peluang untuk mendapat biasiswa ataupun pembiayaan universiti tempatan semakin bertambah.

Tuan Idris bin Jusoh: Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa peruntukan untuk MARA tidak akan berkurangan. Dengan kurangnya pelajar-pelajar yang dihantar keluar negara maka peruntukan tambahan itu akan disalurkan untuk membiayai pelajar-pelajar di dalam negeri, bermakna peruntukan untuk pelajar-pelajar dalam negeri akan bertambah.

PROJEK LALUAN KERETA API TRANS ASIA - JADUAL

3. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai Projek Laluan Kereta api Trans Asia.

- (a) laluan mengikut jadual sebenar membabitkan berapa negara dan berapa panjang jarak laluan ini; dan
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh negara kita dalam projek ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Projek hubungan rel Singapura - Kunming yang merupakan sebahagian daripada rangkaian kereta api Trans Asia, melibatkan negara Singapura, Malaysia, Thailand, Cambodia, Vietnam, Laos, Myanmar dan China. Terdapat beberapa laluan alternatif untuk projek ini yang sedang dikaji oleh perunding. Oleh kerana kajian sedang dijalankan, maka laluan negara terbabit dan panjang laluan sebenar belum dapat ditentukan lagi. Laporan akhir kajian dijangka dapat dikemukakan pada bulan Mei, 1998.
- (b) Kerajaan Malaysia telah pun memperuntukkan RM2 juta bagi menjalankan kajian kemungkinan bagi projek ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi projek ini kerajaan sudah memperuntukkan RM2 juta cuma bagi tujuan membuat kajian. Jadi, kita boleh tafsir projek ini akan melibatkan satu belanja yang begitu besar. Jadi apakah manfaat yang akan diperolehi oleh negara kita dari segi misalnya pelancongan, peluang pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Adakah kerajaan telah pun terlebih dahulu membincangkan tentang mungkin dari segi struktur pembayaran yang merupakan ia lebih murah daripada lain-lain jenis pengangkutan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti jawapan awal saya tadi bahawa kosnya semua masih dalam kajian, jadi belum dapat ditentukan lagi berapa kos yang akan terlibat, bentuk pinjaman dan sebagainya, apabila semua kajian telah siap baru dapat diumumkan.

Berkaitan dengan faedah yang diperolehi oleh negara, memang banyak faedah seperti Yang Berhormat sebutkan bukan sahaja oleh negara kita, bahkan juga semua negara yang terlibat, seperti dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara yang terlibat termasuk negara kita. Dengan adanya projek yang kebanyakan negara mempunyai kepentingan bersama adalah diharapkan dapat memupuk hubungan yang erat dalam bidang kebudayaan dan juga sosial ekonomi di samping memberi alternatif yang berdaya saing daripada segi pengangkutan darat berbanding dengan kapal dan dapat membantu negara-negara yang tidak mempunyai pengangkutan laut secara langsung.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kira-kira setahun yang lalu Thailand sebuah negara yang terlibat dengan projek ini pernah menyatakan yang ia tidak melihat adanya sebarang halangan bagi menjayakan projek landasan kereta api Trans Asia ini. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita maklum Thailand sekarang ini menghadapi masalah kejatuhan nilai mata wangnya sehingga terpaksa memohon bantuan dari IMF. Jadi, dengan perkembangan ini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang meneruskan juga projek ini dan jika ya, bagaimana dengan cadangan untuk mewujudkan satu tabung yang melibatkan bantuan antarabangsa bagi membiayai pembinaan landasan Trans Asia.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana perkara ini masih lagi di peringkat kajian, jadi semua kedudukan ekonomi semasa akan diambilkira apabila kajian tersebut telah siap sama ada untuk meneruskan seperti yang dirancangkan ataupun untuk mengadakan satu tempoh yang lebih panjang. Ini semua bergantung kepada kajian awal yang akan diketahui pada pertengahan tahun hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) tidak hadir]

ISTERI MENDERA SUAMI DAN SUAMI MENDERA ISTERI - BILANGAN

5. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes mengikut negeri-negeri di Malaysia yang telah dilaporkan ataupun diketahui tentang perbuatan isteri mendera suami dan juga perbuatan suami mendera isteri; dan
- (b) setelah undang-undang yang berkenaan telah diadakan, apakah masih ada permasalahan dari segi penguatkuasaan dan kerjasama di antara jabatan-jabatan yang berkaitan

untuk menangani dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
[Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat jumlah kes-kes keganasan rumah tangga mengikut negeri adalah seperti berikut:

	Negeri	Bil. Kes
1.	Perlis	18
2.	Kedah	18
3.	Pulau Pinang	75
4.	Perak	27
5.	Selangor	221
6.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	89
7.	Negeri Sembilan	43
8.	Melaka	26
9.	Johor	60
10.	Pahang	2
11.	Terengganu	13
12.	Kelantan	5
13.	Sarawak	33
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	8
15.	Sabah	<u>2</u>
		<u>640</u>

Daripada 640 kes yang dilaporkan hanya 2 kes yang merupakan suami didera oleh isteri. [Ketawa] Yang selainnya ialah kes-kes isteri didera oleh suami.

- (b) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak ada menghadapi masalah dalam menguatkuasakan peruntukan-peruntukan undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga. Selain dari itu kementerian juga tidak ada masalah dalam mendapatkan kerjasama dari Jabatan-jabatan lain kerana segala urusan akan dibincangkan di dalam mesyuarat antara jabatan yang dianggotai oleh jabatan polis, jabatan kesihatan, mahkamah, NGO yang berkaitan dan jabatan-jabatan lain yang difikirkan dapat memberi sumbangan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula Akta Keganasan Rumah Tangga memandangkan penguatkuasaan akta tersebut kurang memuaskan. Misalnya di bawah akta ini IPO hanya diperuntukkan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dalam tempoh masa polis menjalankan siasatan. Tetapi polis jarang menjalankan siasatan sekiranya kes ini tidak melibatkan senjata. Akibatnya yang mana isteri-isteri yang dipukul dengan tangan dan bukan senjata mereka tidak akan mendapat sebarang perlindungan dari segi undang-undang. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah kita dapat menangani masalah penguatkuasaan seperti ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga kerana akta ini hanya telah berkuatkuasa sejak bulan Jun 1996. Jadi, masalah yang diketengahkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai polis jarang-jarang mengadakan siasatan. Jadi, segala report ataupun kes telah diketahui oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara, di peringkat daerah, negeri dan semua perkara ini telah diketahui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mengenai perkara pukul-memukul itu memang kalau suami-isteri tidak bersefahaman ataupun salah faham di antara satu dengan lain, memang ada pukul-memukul. *[Ketawa]* Jadi perkara ini berlaku di antara suami dengan isteri jika mereka bergaduh. Ini tidak dapat kita larikan. Oleh kerana itu perkara-perkara yang terjadi ini memang telah banyak diketahui dan telah diatur. Misalnya kes-kes atau mangsa yang mohon diberi perintah perlindungan sementara oleh mahkamah ialah seramai 144 orang. Ertinya kalau ada masalah di antara suami-isteri yang belum selesai, jadi perkara ini telah diberi perlindungan oleh mahkamah.

Pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk membuat satu pindaan kepada akta tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak silap saya yang dimaksudkan itu yang lain. Itu bukan apa yang dijawab, sebab pada pengertian saya dia meminta pandangan sekiranya keganasan yang berkenaan itu tidak melibatkan penggunaan senjata. Bagaimana pula cara untuk menanganinya? Tidak apalah Yang Berhormat mungkin boleh beri jawapan yang bertulis secara terperinci.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, masalah pukul memukul ini biasalah. Ada yang setengahnya dapat lesen. *[Ketawa]* Yang saya hendak tanya ini, pertama, adakah akta yang sama jika sekiranya menantu memukul mertua ataupun mertua memukul menantu? Ada atau tidak kes macam ini, sebab rakan saya kata kes bunuh pun ada, menantu membunuh mertua. Jadi, kisah kes dera ini ada atau tidak mertua mendera menantu ataupun menantu mendera mertua. Kalau ada, adakah akta yang sama?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga, asalkan perbuatan itu berlaku di dalam keluarga, kalau dia berlaku dalam keluarga akta ini memang dapat mengatasi masalah ini.

SUKAN KOMANWEL 98 - TAMBANG KAPAL TERBANG DAN KOS PENGINAPAN

6. **Tuan Paul Noutin [Penampang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jika ada keistimewaan diberi kepada para pelancong daripada negeri Sabah dan Sarawak sepanjang tempoh Sukan Komanwel 98 dari segi kadar tambang kapal terbang dan kos tempat penginapan yang murah; dan
- (b) usaha-usaha dan perancangan kementerian untuk memastikan kemudahan perhotelan yang begitu banyak disediakan bagi menampung keperluan Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI akan terus dapat mencapai kadar penginapan yang tinggi selepas selesainya sukan itu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan tidak bercadang untuk memberi keistimewaan dari segi kadar tambang kapal terbang atau kos penginapan yang murah kepada para pelancong domestik sama ada dari

Sabah dan Sarawak atau juga dari negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tempoh Sukan Komanwel 1998 diadakan. Pelancong-pelancong domestik dari Sabah dan Sarawak boleh menikmati kadar tambang kapal terbang yang murah, yang telah pun disediakan oleh MAS. Mereka juga boleh menikmati kadar sewa penginapan yang murah di hotel-hotel yang bertaraf 1 - 3 bintang, dan penginapan jenis Bed and Breakfast yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur.

- (b) Bagi memastikan hotel-hotel akan terus mencapai kadar penginapan yang tinggi selepas selesai Sukan Komanwel ini, maka Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah pun mengenalpasti berbagai acara/aktiviti yang bertaraf antarabangsa terus diadakan di Kuala Lumpur seperti World Cup Golf dan Formula One Grand Prix pada tahun 1999 selain daripada LIMA yang akan diadakan pada tahun yang sama di samping mengambil langkah-langkah mempertingkatkan usaha-usaha promosi pelancongan dalam dan di luar negara.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri. Soalan saya ini bukan soalan 'murah' tetapi soalan 'hotel' ada berkemungkinan oleh kerana banyak pelancong sama ada daripada luar ataupun dalaman akan datang ke Kuala Lumpur untuk melihat Sukom itupun kalau promosi Sukom itu berjaya. Jadi, kalau perkara itu berlaku ada berkemungkinan pihak hotel ini menaikkan kadar sewa mereka. Apakah jaminan kerajaan agar kadar sewa ini tidak dinaikkan dan tidak membantutkan usaha kerajaan untuk membawa seberapa ramai datang ke Kuala Lumpur untuk melihat Sukom?

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, kita semua rakyat Malaysia mestilah guarantee, dengan izin, kita akan lihat Sukom itu berjaya bukan seperti Yang Berhormat dari Batang Lupa kata sama ada boleh berjaya atau tidak.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah lupa!

Dato' Teng Gaik Kwan: dia sudah lupa. Kita akan menyaksikan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur mesti berjaya.

Berkaitan dengan hotel-hotel, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengambil berat berkaitan dengan tambang atau bayaran pada masa itu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak ada tambang murah untuk para peminat sukan sepanjang Sukan Komanwel nanti untuk rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Kemungkinan juga penginapan tidak mencukupi terutamanya yang murah. Jadi, persoalan saya ialah adakah kementerian bercadang

Seorang Ahli: Soalan! Soalan!

Tuan Yunof Edward Maringking: untuk membuat persiapan siaran secara langsung acara sukan itu untuk rakyat negeri Sabah dan Sarawak agar mereka dapat melihat prestasi ataupun perkembangan sukan itu nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal, sebab penyiaran itu bukan dalam bidang kuasa kementerian yang berkenaan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mesti ada perbincangan bersama di antara kementerian baru sempurnalah perkara itu.

Seorang Ahli: Cukuplah! Cukup!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak jawab atau tidak? Yang Berhormat

Seorang Ahli: Cukuplah! Cukup!

Seorang Ahli: Boleh keluar semua!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah jawab ini. *[Ketawa]* Sebab ini masalah penyiaran bukan dalam bidang kuasa kementerian Yang Berhormat, walaupun bersabit dengan sukan yang sama.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh] tidak hadir]

Seorang Ahli: Apa fasal masuk ini hari! *[kepada Y.B. Tuan Lim Guan Eng]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib!

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta mereka tertib, ini kelakuan tidak senonoh.

REMISIER YONG CHONG KEONG - SIASATAN POLIS

8. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan siasatan polis ke atas laporan remisier Yong Chong Keong (Laporan Balai Polis Bandar Hilir 975/97) terhadap OCBC Securities (Melaka) Sdn. Bhd. kerana enggan memulangkan RM468,677.39 yang dipaksa dibayar oleh Yong kepada OCBC berkaitan dengan satu kes penipuan ke atas OCBC Securities (Melaka) Sdn. Bhd. sungguhpun YAB Perdana Menteri dalam satu jawapan bertulis kepada saya bertarikh 16 Disember 1996 telah pun menyatakan bahawa OCBC telah mendapat balik wang jumlah ini daripada yang menipu OCBC Securities. Adakah Perdana Menteri dikelirukan oleh pihak polis untuk memberikan jawapan palsu ataupun OCBC Securities (Melaka) Sdn. Bhd. enggan memulangkan wang RM468,677.39 yang mereka sudahpun perolehi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bertulis diberi kepada Yang Berhormat Kota Melaka pada 16 Disember 1996 adalah berdasar kepada soalan Yang Berhormat yang berhubung dengan laporan Balai Polis Bandar Hilir No. 1919/96 pada 7 Oktober 1995. Sementara soalan yang dibangkitkan adalah berkenaan Laporan Balai Polis Bandar Hilir No.975/97, iaitu laporan yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 19 Disember 1996 berkenaan bukanlah dikelirukan oleh polis. Ini adalah kerana pada masa itu pihak polis tiada cukup bukti untuk mendakwa suspec di bawah Kanun Keseksaan, maka tindakan tidak dapat diteruskan.

Walau bagaimanapun berhubung dengan laporan NO. 975/97, Timbalan Pendakwa Raya telah mengkaji aduan itu dan telah memutuskan bahawa kes ini tidak dapat diteruskan juga, lagipun sudah ada satu tindakan sivil terhadap tertuduh yang dibuat oleh OCBC.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ini adalah berkaitan dua laporan polis berkaitan, tetapi mungkin Yang Berhormat mendapat maklumat yang tidak tepat daripada pegawainya. Adakah beliau sedar bahawa sungguhpun laporan adalah berlainan, ia berlainan kerana ia dibuat oleh pihak yang berlainan, tetapi berdasarkan

kes yang sama? Oleh sebab itu dari segi kes dan fakta kedua-dua laporan polis ini adalah seratus peratus sama, tetapi hanya yang pertama dibuat oleh OCBC Securities.

Yang kedua, laporan No.975/97 dibuat oleh seorang remisier yang bernama Yong Chong Keong yang tertipu lebih RM400,000. Mengapakah berlaku perselisihan atau percanggahan di mana pada asalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kes ini sudah selesai kerana wang ini telah dipulangkan? Apabila keadaan sebenarnya Yang Berhormat tadi menyatakan ia tidak dipulangkan langsung, oleh sebab itu saya hendak tahu, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa wang RM468,677 ini telah dipulangkan, mengapa OCBC Securities iaitu sebuah syarikat broker saham menyatakan dia tidak menerima langsung wang ini dan enggan membayar balik kepada Yong Chong Keong.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi satu jawapan yang palsu, itu adalah satu dakwaan yang tidak benar. Saya telah jawab bahawa pada masa itu kurang bukti ataupun bukti tidak cukup, itu asasnya kes tersebut tidak didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Pada masa itu jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kes ini telah ditutup ekoran daripada wang itu dibayar balik dan pada masa itu polis telah difahamkan bahawa kedua-dua pihak telah selesai dengan bayaran balik. Oleh sebab itu kes itu ditutup, bukan kes tidak didakwa - kes itu tidak didakwa kerana kekurangan bukti, bukan kerana wang sudah dibayar balik. Jadi, jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat itu masih betul dan tidak palsu.

Pada hari ini saya jelaskan bahawa oleh kerana perkara ini yang pertama, tidak cukup bukti untuk dakwa di bawah Kanun Keseksaan, tetapi ada satu kes sivil yang sedang dijalankan, maka Pendakwa Raya ingat elok bagi kes sivil itu diteruskan supaya kedua-dua pihak itu dapat melihat siapa yang betul dan siapa yang salah dan wang itu akan dituntut melalui mahkamah. Saya rasa itu lebih tepat, jangan kita kelirukan Dewan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bertanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: biasanya soalan tambahan itu saya izinkan satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi tidak ada orang hendak bertanya, boleh saya bertanya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada orang bertanya saya rasa!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada orang tanya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu tidak timbul. Kalau ada ahli yang lain saya akan izinkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perkara penting kerana tadi Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of Order. Tidak boleh!

Tuan Lim Guan Eng: Tadi menyatakan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa wang ini telah dipulangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ini polis takut.....*[pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar! Saya sudah membuat keputusan sekiranya Yang Berhormat hendak bangkitkan soalan....

Seorang Ahli: Keluar!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: yang bersabit dengan ini mungkin dalam peringkat jawatankuasa nanti Yang Berhormat ada peluang. Tetapi yang ini saya sudah cakap, melainkan kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak bangkitkan satu Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang keberapa?

Tuan Lim Guan Eng: 26(1)(p).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebutkan!

Tuan Lim Guan Eng: Iaitu mengenai:

“26(1)(p) Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan”.

Di sini ada dua jawapan yang bercanggah. Satu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan satu lagi daripada Timbalannya. Saya menyatakan percanggahan ini kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaku.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: bahawa jawapan asal..... biarkan saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Biarkan saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Biarkan saya habis kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dahulu.....

Tuan Lim Guan Eng: wang ini telah digunakan..... *[pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sama juga, itupun Yang Berhormat cuba hendak mengambil kesempatan ini untuk menyoal. Itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan saya kena buat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi biar saya dahulu menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Asas Point of Order saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Di mana dia ini, Yang Berhormat ini buat penjelasan yang

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis Ini pelik....
[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup!

Tuan Lim Guan Eng: Yang palsu, yang berlainan daripada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cukup. Bersabit dengan apa yang dibangkitkan iaitu Peraturan Mesyuarat 26.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: [sambil mengetuk meja] Tertib. Saya sedang membuat keputusan, saya rasa 26(1)(p) itu tidak timbul, sebab biasanya sepertimana yang

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Rompin! [Ketawa] Ini pernah berlaku dahulu dan saya rasa tidak timbul dan tidak kena pada tempatnya. Lagipun Yang Berhormat kalau hendak soal lagi saya rasa ada peluang yang lain, bukan saya hendak menyekat Yang Berhormat. Kalau ada lain yang hendak bangun, hendak soal saya izinkan.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Teluk Intan.

Beberapa Ahli: [Sorak] [Ketawa]

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Susulan dari jawapan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, kerap kali di mana bila pihak polis menyiasat kes semacam ini, pihak polis mengatakan tidak ingin mengambil tindakan kerana ada satu lagi kes sivil yang sama terlibat. Pada pengetahuan saya, saya ingin memberitahu bahawa keputusan macam ini tidak patut dibuat oleh pihak polis kerana kes kriminal dan kes sivil adalah berlainan. Jadi, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib. Yang Berhormat cuba padatkan soalan.

Seorang Ahli: Soalan, tidak mahu penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cuba padatkan soalan.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, saya hendak bertanya, adakah kerajaan akan membuat kajian dalam perkara ini, kerana ini adalah mater of natural justice bahawa kes kriminal itu lain dan beza dari kes sivil.

Beberapa Ahli DAP: [Tepuk]

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya lebih suka dia bertanya baru saya ada peluang untuk menjawab apa yang telah diputar-belitkan oleh Kota Melaka. [Tepuk]

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Ong Ka Ting: Jadi, dengarlah!

Beberapa Ahli: *[Sorak]* Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Duduk! Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa tidak kisah sama ada Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak bangkitkan sesuatu yang substantive atau tidak, saya rasa Peraturan Mesyuarat kena kita patuhi. Yang Berhormat sila jawab.

Dato' Ong Ka Ting: Ini adalah jawapan untuk Teluk Intan. Sebab jawapan ini akan menjawab apa yang dikatakan oleh Kota Melaka. Saya telah katakan tadi dalam jawapan asal saya keputusan dibuat supaya tidak mendakwa mengikut Kanun Keseksaan kerana kes ini tidak cukup bukti untuk berbuat demikian, bukan kerana wang itu sudah dibayar balik dan bukan kerana ada sivil sue atau tidak. Itulah asas keputusannya. Tetapi dalam kes ini Kota Melaka cuba mengatakan jawapan saya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri adalah berlainan, saya rasa tidak.

Saya rasa jawapan di hadapan saya ini yang diberi kepada Kota Melaka ialah kes ini ditutup ekoran daripada peguamnya membuat bayaran balik amaun itu. Kes itu ditutup tidak bermakna tidak mahu dakwa. Saya telah kaji kes ini dan polis tidak mahu dakwa kerana tidak cukup bukti, bukan kerana wang ini dibayar balik atau tidak dibayar balik. Jadi, sekarang kes sivil itu telah dijalankan dan Pendakwa Raya membuat keputusan bukan kerana sivil kes, kerana kurang cukup bukti. Ini paling jelas faktanya. Jadi, jangan lagi dipertikaikan.

KEMALANGAN DALAM PERJALANAN/SEMASA BEKERJA - BILANGAN

9. **Tuan Chan See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan kemalangan dalam perjalanan dan semasa bekerja yang melibatkan pekerja bagi tahun 1995, 1996 dan setengah tahun pertama 1997 dan apakah langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan untuk mengurangkan kemalangan pekerja-pekerja semasa bekerja dan semasa dalam perjalanan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan dalam perjalanan dan semasa bekerja yang melibatkan pekerja-pekerja tempatan dan asing bagi tahun 1995, 1996 dan setengah tahun pertama 1997 adalah seperti berikut:

Tahun	Kemalangan	Dalam Perjalanan	Semasa Bekerja
1995	14,721	102,510	117,231
1996	14,771	93,647	108,418
1997 (Januari-Jun)	6,581	38,262	44,843

Walaupun kemalangan semasa bekerja telah berjaya dikurangkan, namun Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan-jabatan di bawahnya terutamanya Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara akan melipatgandakan lagi usaha-usaha yang dijalankan sekarang untuk mencegah kemalangan di tempat kerja.

Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan tiga pendekatan untuk mencegah dan sekaligus mengurangkan insiden kemalangan iaitu dengan

menyedarkan semua pihak tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan; melatih mereka supaya amalan keselamatan dan kesihatan yang baik dijadikan satu budaya kerja; dan tegas menguatkuasakan undang-undang mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Berhubung dengan langkah-langkah untuk mengurangkan kemalangan semasa dalam perjalanan, Kementerian Pengangkutan sudahpun melaksanakan berbagai program dan kempen mengenainya. Rakyat umum terutamanya pengguna-pengguna jalan raya dari pejalan kaki sehinggalah pemandu-pemandu lori perlu lebih berhati-hati dan berdisiplin ketika di jalan raya, di samping sentiasa bersikap toleran dan menghormati antara satu sama lain.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Dato' Timbalan Menteri memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini tentang usaha pendidikan mengenai keselamatan yang dijalankan oleh kementerian serta bagaimanakah kerjasama dari pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan lesen premis perindustrian, untuk sama-sama berusaha mewujudkan tempat bekerja yang selesa dan selamat untuk pekerja-pekerja.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi memang kita menjalankan berbagai-bagai kempen. Kempen adalah satu usaha yang berterusan, tetapi kadang-kadang kita ada kempen yang lebih fokus, lebih concentrated iaitu seperti kempen bulanan dan sebagainya. Ini dijalankan menerusi berbagai-bagai pertubuhan yang telah saya nyatakan tadi di samping institut tetap yang kita ada iaitu Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara, di mana sepanjang masa kita mengadakan kursus yang berbagai-bagai. Alhamdulillah berdasarkan kursus ini, yang diadakan di seluruh negara sepanjang masa, kita dapati bahawa percentage kemalangan itu memang sedang berkurangan.

Mengenai premis bekerja itu, memang kita ada peraturan-peraturan dan undang-undang yang berbagai-bagai yang dikuatkuasakan oleh kerajaan tempatan, iaitu mereka tidak akan memberikan Certificate of Fitness misalnya kepada mana-mana bangunan yang belum lengkap atau belum selamat untuk digunakan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan asal tadi bersangkutan mengenai bilangan kemalangan semasa bekerja yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin bertanya satu perkara yang semakin penting sekarang ini ialah kesan sampingan daripada bekerja dalam persekitaran-persekitaran yang tertentu di mana mungkin kita terdedah kepada bahan kimia atau terdedah kepada bunyi bising ataupun terdedah kepada suasana udara yang kotor ataupun dalam kes tertentu terdedah kepada udara yang terlalu bersih, misalnya dalam kilang-kilang elektronik.

Saya ingin bertanya adakah kementerian mempunyai satu bahagian atau adakah kementerian mempunyai satu rancangan untuk mengkaji kesan-kesan jangka panjang? Apabila pekerja terdedah kepada benda-benda yang saya katakan tadi, bukannya 'mati' di tempat kerja, tetapi mungkin tiga puluh atau empat puluh tahun selepas dia sudah bekerja dia akan mengalami kesan sampingan, ekor dari terdedahnya pada perkara-perkara tadi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya apabila kita menyebut mengenai keselamatan pekerjaan ini, kita menyebut keselamatan dan kesihatan pekerja, iaitu soal kesihatan pekerja adalah satu perkara yang penting juga yang kita memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja kita. Misalnya kalau mereka bekerja di tempat-tempat chemical ataupun tempat yang udaranya kotor dan sebagainya.

Kita memang mengadakan berbagai-bagai kursus yang special di NIOSH ataupun di tempat-tempat tertentu untuk kita meningkatkan kesedaran mengenai

bahayanya bekerja di tempat-tempat yang mungkin pada sepintas lalu nampaknya selamat, tetapi mungkin tidak selamat dari segi udara yang tercemar dan sebagainya. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara memang menjalankan berbagai-bagai kajian dalam bidang ini sepanjang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus) tidak hadir]

PENYIARAN/PENERBITAN/PENGEDARAN MAJALAH - GARIS PANDUAN

11. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) penerbitan majalah sekarang semakin berani membahaskan isu-isu lucah secara terbuka. Apakah garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mengawal bentuk penyiaran dalam penerbitan dan pengedaran majalah tersebut; dan
- (b) jumlah majalah-majalah yang telah diharamkan penerbitannya dan apakah denda yang telah dikenakan kepada syarikat yang terbabit.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa terdapat sebilangan penerbit majalah pada masa ini semakin berani membahaskan isu-isu lucah secara terbuka. Bagi menangani masalah ini, Kementerian Dalam Negeri memang ada menyediakan garis panduan mengenai gambar-gambar dan iklan dan juga isi kandungan yang dilarang disiarkan di dalam akhbar-akhbar dan majalah. Selain daripada itu kementerian seringkali mengeluarkan surat ingatan kepada penerbit yang terlibat agar berhenti menyiarkan rencana dan isu-isu yang negatif yang boleh mempengaruhi golongan remaja.
- (b) Semenjak tahun 1988 hingga bulan Oktober 1997, kerajaan telah mengharamkan sejumlah 735 tajuk penerbitan. Setelah sesuatu bahan penerbitan diharamkan, adalah menjadi kesalahan mana-mana orang, penerbit atau pencetak menyimpan, mengedar atau menerbit semula bahan-bahan tersebut. Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke kedai-kedai buku di samping kedai-kedai menjual buku-buku majalah di tepi-tepi jalan, memang kadang-kadang kita mendapati tulisan-tulisan itu berbentuk lucah dan kelihatan lucah. Apabila kelihatan lucah itu dengan gambar-gambarnya sekali, yang separuh bogel, yang berbogel terus, tetapi masih dijual.

Saya ingin tahu adakah tulisan-tulisan daripada penulis-penulis tempatan juga yang dikenakan tindakan-tindakan di atas penyiaran bahan-bahan lucah ini dan juga cerita-cerita lucah. Kalau kita ingat pada tahun tujuh puluhan dahulu novel 'Tanah Gersang', ini adalah cerita-cerita yang boleh menaikkan semangat 'kejantanan' seseorang apabila membacanya.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Dalam Negeri sedar masih terdapat kedai-kedai, gerai-gerai, stor-stor, kadang-kadang stor mamak pun masih ada majalah-majalah yang tengok sahaja tahulah lucu. Mereka ini mengambil kesempatan. Jadi, pihak polis dan Unit Kawalan Penerbitan di bawah Kementerian Dalam Negeri memang ada membuat serbuan ataupun membuat operasi dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, bagi stor-stor kalau sekiranya Yang Berhormat nampak tetapi belum ada tindakan boleh memberitahu Kementerian Dalam Negeri, kita tetap akan mengambil tindakan dengan cepat. Ini adalah satu gejala yang kita tahu kerana ada pelanggan yang begitu ramai, jadi selagi ada peluang untuk mencari keuntungan, mereka akan mengambil risiko untuk menjual. Jika masyarakat umum semua sekali mengawasi kita akan menjadi lebih berkesan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah apabila kita bercakap bahan lucu orang ketawa, tetapi kalau kita tidak bendung lucu ini, generasi kita akan rosak. Cuma tadi kita bercakap fasal buku dan majalah, tetapi adakah pihak kementerian juga sedang mengambil tindakan yang tegas tentang cakera padat. Video ini ada dijual ditiap-tiap kedai video, kerana kadang-kadang kita tidak dapat lihat, ia hanya dapat dilihat apabila dimainkan.

Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa video cakera padat ini tidak berleluasa dijual? Adakah pihak kerajaan juga akan mengambil tindakan terutama sekali majalah-majalah ini tidak masuk ke kawasan-kawasan sekolah, kerana kita dapat lihat anak-anak muda hari ini pun sudah banyak yang bercelaru, Tuan Yang di-Pertua. Anak-anak muda ini kadang-kadang umurnya begitu muda, tetapi memakai pakaian yang bukan sahaja menjolok mata bahkan 'membeliak' biji mata. Ini kerana mereka mengikut kononnya trend. Jadi, adakah pihak kementerian akan menasihati majalah-majalah ini supaya mereka mengambil tindakan yang lebih bertanggungjawab terhadap negara kita ini, bukan semata-mata untuk mengaut keuntungan. Adakah hanya warning sahaja tindakannya ataupun terus kita gantung lesen penerbitan ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju benar dengan Yang Berhormat dari Yan, ini adalah satu masalah yang kalau tidak dibendung pada peringkat awal, sebenarnya sudah mula merosakkan anak muda, itu sebabnya banyak masalah sosial yang timbul. Pada masa kini kerajaan sedang mengkaji sejauh mana kita boleh pinda Akta Mesin Cetak dan juga Akta Penapisan Filem supaya boleh mengenakan hukuman yang lebih setimpal. Pada masa kini kalau denda RM20,000 itu nampaknya tidak banyak sangat bagi mereka, sebab dia mendapat untung yang banyak. Mungkin kita ingat kalau boleh mandatori - masuk penjara. Ini adalah salah satu caranya.

Pada masa kini Kementerian Dalam Negeri memang sedang mengadakan kempen antipornographic ataupun antibudaya (culture) yang tidak sihat ini. Kita juga mengalu-alukan kalau Ahli Yang Berhormat dalam kawasan masing-masing pun dapat memulakan kempen ini, adakan ceramah, jemput Kementerian Dalam Negeri datang untuk membuat pameran, tetapi pameran itu mungkin kena tunjuk sedikit bahan lucu dan apakah contoh-contoh, kemudian di situ kita bagi kesedaran, bukan bagi orang bacalah. Inilah yang mereka kena berhati-hati. Itu sahaja jawapan saya.

MONGOLIA-MALAYSIA - USAHASAMA PASARAN

12. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah usahasama di antara Mongolia dengan Malaysia yang akan mendatangkan manfaat. Apakah perancangan kerajaan untuk menerokai pasaran Mongolia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa usahasama sedang diusahakan oleh syarikat-syarikat swasta

Malaysia dan Mongolia. Usahasama ini adalah di dalam projek penjana kuasa hidroelektrik, perumahan dan pembinaan kompleks bebas cukai.

Kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negeri telah dipertingkatkan lagi semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Mongolia pada 8 hingga 11 September 1997. Lawatan tersebut telah menghasilkan perkara-perkara berikut:

- (a) Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara syarikat Malaysia dengan syarikat Mongolia untuk:
 - (i) mengadakan kajian mengenai bekalan air di Ulaanbaatar dan lain-lain bandar di Mongolia; dan
 - (ii) pengedaran barangan elektrik keluaran syarikat Malaysia di pasaran Mongolia.
- (b) Di peringkat kerajaan, dua perjanjian telah ditandatangani iaitu mengenai kerjasama perkhidmatan udara dan kerjasama di dalam bidang ekonomi, saintifik, teknikal, pendidikan dan kebudayaan.

Mengenai perancangan kerajaan bagi menerokai pasaran Mongolia, langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan hubungan perdagangan dua hala melalui rombongan perdagangan dan pelaburan; menganjurkan seminar perdagangan dan pameran-pameran bagi mempromosi barangan Malaysia termasuk ke negara-negara jiran Mongolia; dan
- (ii) menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia untuk terus melabur di dalam sektor yang berpotensi seperti sektor perlombongan, pembinaan "inland port", pakaian dari bulu biri-biri, pemasangan barangan elektrik dan elektronik, kayu-kayan, penyembelihan ternakan dan projek "eco-tourism".

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian Yang Berhormat telah mengambil langkah yang positif atau lebih agresif untuk mempromotekan barangan Malaysia ke pasaran antarabangsa termasuk Mongolia, memandangkan bahawa kini Ringgit Malaysia adalah rendah dan mutu buatan barangan Malaysia adalah tinggi. Memangnya kita boleh mendapat market yang lebih tinggi jikalau pihak kerajaan dan pihak swasta boleh berkerjasama untuk kebaikan negara kita.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, sama ada di Mongolia ataupun di seantero dunia, kerajaan menggesa pihak swasta untuk memastikan pengeksportan barangan keluaran Malaysia dapat terus dipasarkan di peringkat dunia.

RIZAB BANK NEGARA - KERUGIAN

13. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) kerugian rizab Bank Negara dalam usaha menyelamatkan mata wang Ringgit Malaysia baru-baru ini; dan
 - (b) akibat penurunan kadar tukaran Ringgit Malaysia, apakah implikasi terhadap pinjaman luar negeri yang hampir 72% dalam US dollar.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan hutang luar negara pada akhir bulan Jun 1997 adalah sebanyak RM78.8 bilion. Daripada jumlah ini, bahagian Kerajaan Persekutuan adalah amat rendah iaitu sebanyak RM9 bilion atau 11.4% daripada jumlah hutang keseluruhan diikuti oleh perusahaan awam bukan kewangan sebanyak RM32.3 bilion atau 41% dan sektor swasta sebanyak RM37.5 bilion atau 47.6%.

Tuan Yang di-Pertua, penyusutan nilai Ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat akan menjejaskan tahap keseluruhan hutang negara memandangkan sebahagian besar daripada hutang ini adalah Dolar Amerika Syarikat. Namun demikian, kesan ke atas khidmat hutang tidaklah begitu ketara, memandangkan hutang luar ini dibayar dalam tempoh yang lebih lama. Tambahan pula, adalah dijangkakan penyusutan nilai Ringgit akan menyederhana, mencerminkan asas-asas ekonomi yang lebih baik. Nisbah khidmat hutang keseluruhan adalah masih rendah pada tahap 5.7% pada tahun 1996. Di samping itu, hutang ini adalah berbentuk jangka panjang dan kesan penyusutan ini akan berubah apabila nilai Ringgit meningkat semula. Apa yang paling penting adalah negara tidak akan menghadapi sebarang masalah di dalam membayar balik hutang iaitu hutang luarnya berikutan pinjaman yang dibuat adalah digunakan bagi membiayai pelaburan-pelaburan produktif yang seterusnya akan menjana pendapatan yang lebih tinggi, terutamanya perolehan pertukaran asing untuk membayar balik hutang tersebut.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang dunia sudah menerima pendedahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tentang angkara speculators mata wang seperti Soros dan lain-lain, yang mengakibatkan kejatuhan pasaran saham bukan sahaja negara kita, di Hong Kong termasuk di New York sendiri. Soalan saya ialah apakah sekarang ini dengan kesedaran dan mereka sendiri sudah bersetuju angkara orang yang seperti Soros ini. Apakah kemajuan tentang persetujuan mereka ini untuk mengawasi dan menyelia pasaran mata wang ini, yang mana baru-baru ini dalam BBC Soros sendiri setuju bahawa perlunya diselaras dan diawasi pasaran mata wang dunia? Saya minta sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan asal adalah mengenai hutang negara, tetapi saya akan cuba jawab juga soalan Yang Berhormat dari Rompin.

Mengenai saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Hong Kong, yang bermula di Hong Kong. Saya ingin menyegarkan ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pertama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta supaya diadakan regim regulasi di dalam pengurusan ataupun pelaburan hedge fund yang merupakan dana yang terbesar, kadangkala lebih besar daripada KDNK mana-mana negara membangun.

Yang kedua, Yang Amat Berhormat meminta supaya currency trading diteluskan. Jadi, ini telah pun diterima, walaupun pada awal-awalnya ditolak, tetapi diterima oleh IMF. Sekarang semua orang telah menerima bahawa apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu adalah betul dan ini hanya direalisasikan selepas Hong Kong, New York kena. Jadi, dahulu orang kata Hong Kong, New York, London adalah kebal, tetapi selepas digoncang oleh manipulators ini, Hong Kong yang disokong dengan satu kekuatan yang kuat iaitu US\$80 bilion rizab luarnya dan juga disokong oleh US\$100 bilion rizab China pun dapat digoncang sehingga roboh. Begitu juga apa yang berlaku di New York.

Sekarang ini pihak IMF telah pun meminta agar Malaysia menerajui usaha-usaha untuk menginstitusikan regulasi-regulasi ini dan sepertimana yang dikatakan sebelum ini Malaysia akan memulakan perbincangan dengan memanggil Menteri-menteri Kewangan ASEAN dan juga Menteri-menteri Kewangan negara-negara Pasific rim pada bulan Disember ini untuk memulakan perbincangan ini. Malah

sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Persidangan G15 yang diadakan pada masa ini semua negara telah menyokong saranan Yang Amat Berhormat dan tiap-tiap negara akan mengeluarkan communiquenya sendiri untuk menyokong tentang perkara ini. Dan pada akhirnya seluruh dunia mengakui apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah betul kerana mereka sekarang semuanya merasai akibat pemain-pemain wang antarabangsa.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara sebegitu baik yang diceritakan oleh Yang Berhormat adalah benar, bilakah kita boleh lihat nilai mata wang Ringgit akan pulih kepada tahap bulan Julai, iaitu setiap US\$2.50 bukan seperti yang berlaku sekarang. Kerana kita sering mendengar saranan ataupun pendapat bukan saya tetapi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa keadaan pasaran saham mata wang akan stabil dan akan pulih kepada nilai asalnya, tetapi hingga sekarang kita dengar hanya omong-omong kosong sahaja, tetapi ia masih belum pulih lagi. Bilakah keadaan akan pulih dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentang tabung, adakah tabung yang sama yang digunakan oleh BSKL akan digunakan untuk menyokong nilai mata wang Ringgit, kalau tidak, saya rasa jahanamlah ekonomi negara kita tahun depan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah memulihkan nilai Ringgit adalah masalah keyakinan dan tanggungjawab itu bukan hanya diberi ke atas bahu kerajaan sahaja, malah keseluruhan rakyat negara ini mesti memberi ataupun menyatakan ataupun melakukan perkara-perkara yang akan membawa balik keyakinan ini. Kalau Yang Berhormat sendiri selepas mendengar mengenai sokongan dunia terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mempunyai keyakinan, macam mana kita hendak menaikkan nilai Ringgit? Yang Berhormat sebagai seorang legislator dan hakikat ini telah pun ditunjuk oleh dunia, G-15 menyokong, ASEAN menyokong, orang lain menyokong, Yang Berhormat seorang sahaja tidak percaya [*Ketawa*]

Jadi, ini persoalan persoalan keyakinan. Sekiranya Yang Berhormat sebagai ahli pembangkang yang mempunyai wibawa yang tinggi menyokong, saya pasti esok akan dapat balik. [*Ketawa*] Jadi, untuk kita mengetahui bila akan kita dapat mengembalikan taraf ataupun tahap nilai Ringgit pada RM2.52 *vis-a-vis* Dolar Amerika, ini bukan untuk saya menjawab, ini untuk kita semua menjawab, kerana tiap-tiap orang ada peranannya di dalam membawa balik keyakinan kepada negara ini termasuk Yang Berhormat.

PERKESO - JUMLAH KUTIPAN DAN PERATUS YANG DIBAYAR KEPADA PEKERJA SETIAP TAHUN

14. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sejak tertubuhnya PERKESO sehingga hari ini, apakah jumlah kutipan PERKESO dalam tabung PERKESO ini dan apakah peratusannya yang dibayar kepada pekerja-pekerja pada setiap tahun sejak penubuhan sehingga sekarang; dan
- (b) adakah masalah-masalah yang dihadapi dalam kutipan sumbangan PERKESO daripada majikan dan adakah masalah-masalah ini serius.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan

- (a) Jumlah kutipan iaitu caruman dan pulangan pelaburan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sejak penubuhannya pada tahun 1971 sehingga September 1997

adalah berjumlah RM8,125.29 bilion. Manakala perbelanjaan yang dilakukan untuk membayar faedah kepada pekerja-pekerja bagi tempoh yang sama ialah berjumlah RM1,974.75 bilion ataupun 24.18% daripada jumlah kutipan tersebut. Saya tidak bercadang untuk membaca maklumat mengenai peratusan yang dibayar kepada pekerja setiap tahun sejak penubuhan sehingga sekarang kerana itu akan mengambil masa, tetapi saya bolehlah memberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

- (b) Kegagalan dan kelewatan membayar caruman adalah merupakan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh PERKESO dalam kutipan caruman daripada majikan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah itu tidaklah serius dan berbagai-bagai ikhtiar sedang dijalankan supaya pembayaran itu dibuat pada waktu yang telah ditetapkan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu tentang jumlah sumbangan SOCSO yang gagal dikutip oleh kerajaan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan kutipan itu?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kutipan yang gagal dikutip itu kita tidak ada angka itu, tetapi pemeriksaan dijalankan sepanjang masa. Apabila kita dapati bahawa ada majikan yang tidak mencarum, maka kita akan beri dia masa untuk membayar secepat mungkin kalau dia menghadapi masalah. Kalau dia sengaja tidak mahu membayar, maka kita akan mengambil tindakan undang-undang. Jadi, kita bertindak sebaik sahaja kita tahu mana-mana majikan yang tidak mahu bayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk masanya.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 7, 10 dan 15 hingga 38 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:"

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang

dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." [4 November 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri diminta menjawab serentak.

3.36 ptg.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan banyak pandangan dan teguran dalam membahaskan Belanjawan yang dibentangkan. Tentunya saya tidak dapat menyentuh semua persoalan yang dibangkitkan, kerana saya lihat kali ini tumpuan kepada isu Belanjawan negara lebih khusus diberikan, terutama keadaan ekonomi semasa di Malaysia dan rantau ini.

Kita juga telah jelaskan bahawa ekonomi Malaysia berada di persimpangan jalan. Oleh yang demikian, tumpuan Belanjawan negara lebih ke arah mengukuhkan asas ekonomi. Meskipun pada ketika tertentu ia tidak terus menyebabkan lonjakan kepada pasaran, tetapi tujuan utama kita masih ke arah mengukuhkan dan meneguhkan lagi asas atau fundamental ekonomi. Yang ditegur dan nyata diberikan perhatian dalam Belanjawan ialah kedudukan defisit akaun semasa. Tetapi defisit kita parah pada tahun 1995, 10.5% daripada KNK. Ia telah dapat dikawal sehingga 5.2% tahun ini. Kita menjangkakan dengan langkah-langkah yang lebih tegas kita dapat kurangkan lagi pada tahap 4% tahun depan dan insya Allah, 3% pada tahun 1999.

Saya ingin jelaskan di sini tentang kedudukan perdagangan luar bulan September. Eksport barangan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 21.7% kepada RM20.16 bilion. Import barangan meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 19.1% kepada RM18.95 bilion. Oleh yang demikian, Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM1.21 bilion pada bulan September tahun ini, iaitu lebih tinggi daripada lebih perdagangan sebanyak RM1.15 bilion pada bulan Ogos yang lalu. Kalau trend ini dapat diteruskan, kita yakin asas ekonomi kita akan lebih kukuh lagi.

Memang benar disebut dan beberapa Ahli Yang Berhormat dari kalangan pembangkang telah membangkitkan laporan dan kenyataan media asing terhadap ekonomi kita, terhadap Belanjawan dan terhadap beberapa pandangan dan teguran Perdana Menteri. Saya ingin menasihatkan sementara kita harus baca, tetapi kita juga harus tahu dan yakin tentang data dan fakta kita dan analisa yang kita buat dan tidak terperangkap dengan analisa sembrono yang dibuat oleh penganalisa asing dan akhbar asing.

Oleh yang demikian, saya ingin menyatakan bahawa bagi rakyat Malaysia dan juga penganalisa tempatan, kita harus membuat analisa tidak berdasarkan persepsi orang lain. Kerana beberapa kenyataan Perdana Menteri yang tegas itu tidak disenangi oleh banyak kalangan lain. Tetapi sekarang sepertimana yang disebut oleh Timbalan Menteri sebentar tadi kita dapat sambutan yang luar biasa. Belum pernah setakat yang saya tahu berdamping dengan IMF, World Bank, Bank of International Settlement (BIS) dan WTO, Malaysia dan pandangan Malaysia diberikan pertimbangan secara serius, belum tentu mereka bersetuju sepenuhnya. Tetapi sekurang-kurangnya pakar ekonomi dan pihak yang bertanggungjawab kini memberikan perhatian yang lebih serius terhadap teguran dan kritikan yang dibuat oleh Perdana Menteri.

Sebab itu, setakat yang saya tahu IMF belum pernah mengadakan satu task force untuk mengkaji masalah urusniaga mata wang ataupun dikatakan movement of hedge fund. Sekarang ini dari laporan rasmi yang diberikan oleh IMF kepada saya dan

Pengurus IMF sendiri, Michel Camadasus akan datang di sekitar minggu depan dan kemudian pada 1 Disember untuk memberikan laporan dan kemajuan tentang kajian IMF mengenai urusan mata wang dengan menekankan dua aspek. Pertama, menekankan perlunya ada prudential regulations, mengatur kedudukan perniagaan mata wang, dan kedua, sesuai dengan iklim semasa supaya ada peraturan berhubung dengan maklumat yang tepat, setiap mana sumber dana ini, apakah perlu diberikan kelulusan atau lesen, bagi mereka beroperasi. Jadi, ini disebut full disclosure atau information yang diperlukan bagi mendapat maklumat yang jelas tentang urusan mata wang.

Saya ingin tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini adalah akibat dari ketegasan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan mendapat sambutan IMF, WTO baru-baru ini, Ketua Pengarahnya, Rogero memberikan penegasan yang sama. Kemudian, negara-negara ASEAN telah muafakat dan dimulakan dengan mesyuarat di Manila minggu depan di kalangan pegawai-pegawai dan akan membentangkan laporan kajian mereka dalam sidang peringkat menteri ASEAN, dan juga ASEAN dengan lima negara yang terlibat dalam pakej bantuan Thailand, iaitu negara China, Hong Kong, Jepun, Korea dan Australia. Setakat ini kita sudah capai satu kata sepakat dan muafakat dalam menangani masalah ini.

Semalam dalam mesyuarat G-15, ketua-ketua negara telah bersetuju supaya diambil satu lagi pendekatan tambahan. Sekarang ini dengan kata sepakat yang disampaikan oleh negara-negara G-15 mereka mencadangkan supaya menteri-menteri kewangan Kumpulan G-15 dan gabenor bank negara masing-masing bersidang segera mungkin untuk mengemukakan cadangan dan rumusan dan kemudian mengemukakan untuk pertimbangan ketua-ketua negara Kumpulan G-15 yang pada peringkat awalnya dijadualkan bersidang pada tahun 1999 di Jamaica, tetapi akan disegerakan persidangan di Kaherah pada bulan Mei tahun depan. Oleh yang demikian, dalam perbincangan dengan Perdana Menteri, saya mencadangkan supaya diadakan sekali dengan Mesyuarat ASEAN dan campur sekali lima negara Asia, dan berikutnya pada 2 Disember itu juga mesyuarat menteri-menteri kewangan Kumpulan G-15.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh ambil atau pandang ringan tentang kejayaan Malaysia mengemukakan satu cadangan bagi menangani masalah ini. Oleh yang demikian, kita menyeru supaya seluruh kekuatan yang ada baik kerajaan atau pembangkang, swasta dan orang ramai untuk melihat perkembangan ini secara yang positif. Saya sedar juga bahawa dalam membahaskan soal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Parit Sulong, Keningau, Sibul, Kubang Kerian, Pengkalan Chepa dan banyak yang lain menyentuh tentang kejatuhan nilai Ringgit dan pasaran saham. Sementara hal ini berlaku kita yakin dengan kekuatan kita dan lebih-lebih lagi kerana kejayaan pakej IMF US\$23 bilion untuk mengatasi masalah ekonomi Indonesia, dan keyakinan itu boleh mengembalikan keyakinan kepada rantau ini.

Kita juga sedar bahawa dengan perkembangan mengejut di Indonesia, dan sebelum itu perkembangan di Thailand yang membuat mereka terpaksa meminta pertolongan dan bantuan IMF, kita masih dapat bukan sekadar bertahan, tetapi asas-asas ekonomi negara kita masih kukuh. Belum ada petanda ataupun hasrat atau keinginan kita untuk merujuk kepada badan-badan dan dana tabung antarabangsa termasuk IMF. Ini tentunya adalah disebabkan oleh asas-asas ekonomi yang kukuh yang telah kita awasi sejak dahulu walaupun dipertikai oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang kerana dia kata kita tidak berapa faham pengertian dan tafsir Surah Yusuf itu. Tidak mengapalah, itu tafsiran dia, saya tidak mahu bahas bab ini. Tetapi saya hendak nyatakan, dalam keadaan negara rantau menghadapi kemelut yang dahsyat, kita dapat bertahan. Takkanlah tidak ada kekuatan sama sekali. Takkan kita tidak boleh terima dan iktiraf, buat sementara kita ada mengalami kesusahan dan terpaksa mengambil langkah-langkah yang tegas termasuk soal import, soal menahan import, meningkatkan eksport dan menaikkan cukai-cukai termasuk lesen memandu yang kurang popular ini - nanti saya beri pertimbangan sekejap lagi.

Ini adalah langkah-langkah yang dirasakan perlu untuk menjamin kestabilan sistem kewangan kita. Jadi, oleh yang demikian, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sementara keadaan di Indonesia nampak lebih meyakinkan dengan langkah-langkah yang cukup keras umpamanya. Indonesia terpaksa menutup 16 bank, menaikkan kadar cukai secara mengejut. Negeri Thai, akibat dari syarat-syarat termasuk penutupan 50 institusi kewangan menyebabkan kerajaan terumbang-ambing kedudukan mereka. Inilah nasib baik kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana kerajaan Barisan Nasional kuat. *[Tepuk]* Jadi, kita dalam keadaan boleh membuat dan mengambil langkah-langkah yang tegas tanpa gangguan. Kalau ada sedikit-sedikit gangguan pun kita boleh jawab dengan baik.

Yang Berhormat dari Tanjong juga....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tiada orang yang kata bahawa kita tidak ada kekuatan. Kita memang ada kekuatan, tetapi bukannya nampaknya ada pandangan-pandangan setengah pihak termasuk ahli Parlimen Barisan Nasional di sini nampaknya tidak ada kelemahan bahawa krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang ialah semua direkakan oleh anasir-anasir luar negeri, musuh-musuh negara bahawa inilah semua diciptakan oleh musuh-musuh negara yang kita tidak ada apa-apa kelemahan. Bukankah Belanjawan yang ada dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada 17 Oktober ini dan sebelumnya ada dilaung-laungkan sebagai satu cara untuk mengatasi krisis ekonomi, khasnya untuk memberhentikan kejatuhan mata wang Ringgit dan juga saham. Dari segi itu tidak berjaya kerana terus jatuh, sungguhpun adalah kejatuhan yang besar yang berlaku di pasaran saham Hong Kong, New York, tetapi sebelum itu pun terus jatuh. Bukankah ini menunjukkan bahawa ubat-ubat yang ada dicadangkan tidak, dengan izin, address, masalah-masalah pokok krisis ekonomi?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya sudah jelaskan kita tidak pernah mengatakan bahawa semua yang kita lakukan itu sempurna belaka. Sebab itu kalau kita teliti ucapan Belanjawan, saya mulakan dengan Surah Yusuf. Surah Yusuf itu sebenarnya mengandaikan bahawa langkah-langkah penjimatan, cermat, kalau faham itu bermakna kita harus ambil langkah-langkah correction. Umpamanya apa sebab kita mengambil keputusan menangguhkan projek-projek besar dan raksasa. Kerana kita anggap meneruskan itu akan menyebabkan asas ekonomi lemah. Mengapa kita teruskan dengan penjimatan walaupun Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa perbelanjaan untuk operasi pengurusan dan pembangunan bertambah, tetapi bertambah pada kadar yang paling minimum tanpa mengambil kira pemotongan yang besar dilakukan untuk operasi jentera kerajaan termasuk pengiriman pelajar ke luar negara, soal perbelanjaan untuk mengadakan sidang, seminar atau latihan, pengurusan, alat tulis dan jabatan kerajaan. Ini semua amaran keras telah diberikan. Ini menunjukkan bahawa kita akui ada kelemahan-kelemahan, tetapi ini bukan kelemahan asas, tetapi kelemahan kecil yang boleh diperbaiki. Jadi, soal mengurangkan import, menangguh projek raksasa, menjimat dan berbelanja secara berhemat, ini langkah-langkah yang diambil yang kita kira sesuai.

Saya juga jelaskan bahawa ini tugas utama dalam Belanjawan negara. Tetapi untuk mengatakan bahawa tidak ada kesan yang positif sama sekali tidak benar, kerana kedudukan Ringgit pada masa itu dengan sekarang jauh lebih kukuh sekarang. Tetapi pada hemat saya yang penting ialah pengukuhan asas ekonomi kerana kita yakin Ringgit kita mesti berkaitan dengan kekuatan asas. Mustahil dalam pertimbangan ekonomi mendadak mungkin naik turun. Tetapi bila diikuti pertimbangan kekuatan mata wang, ia mesti diasaskan kepada kekukuhan ekonomi, tidak kepada spekulator. Sebab itu kita tidak harus merasakan diri kita terperangkap dengan mainan dan manipulasi golongan spekulator.

Sekarang ini semua pihak tanpa kecuali, tidak ada orang dalam bidang kewangan atau ekonomi yang sekarang ini secara terbuka pertahankan urusan konvensional yang berlaku dalam urusan mata wang sepertimana yang berlaku sekarang. Semuanya mengatakan kalau kita ingin proceed, dengan izin, kita kena proceed dengan prudential regulation, dengan disclosure.

Oleh yang demikian, pada hemat saya dalam hal ini kita berjaya. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini harus diambil dengan lebih teliti lagi, dan saya percaya baik Ringgit, baik pasaran saham akan tetap kukuh. Orang masih menungu apa langkah diambil di Indonesia, apakah mereka mampu melaksanakan, apa langkah berlaku dalam kemelut politik dan ekonomi Thailand, dan ini ada pengaruh kerana tempiasannya, contagion effect, dengan izin, kepada negara kita. Tetapi bagi pihak kita langkah yang perlu kita ambil saya jelaskan dalam Belanjawan bahawa semua langkah yang perlu kita ambil kita telah lakukan sehingga langkah-langkah yang berundur dari pengumuman awal. Umpamanya kalau Putrajaya, Bakun, Linier City yang kita sudah umumkan dan kita rasa projek-projek yang kita boleh banggakan itu pun kita ambil keputusan untuk tangguhkan. Ini kerana kita lebih teliti untuk mempertahankan ekonomi kita supaya lebih kukuh.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau sedar kerana pandangan setengah pemegang dana luar negara yang berpendapat bahawa keadaan Malaysia adalah berlainan dengan keadaan Thailand, kerana dengan izin, the economic crisis in Thailand has bottom up dengan krisis kewangan di mana ada banyak bank yang telah terpaksa gulung tikar, sedangkan di Malaysia pula kita masih belum menghadapi krisis kewangan dalam bentuk bank yang crash, dengan izin. Oleh sebab itu, mereka menganggap bahawa negara-negara Thailand dan Indonesia adalah better risk than Malaysia kerana belum ada bank crash di Malaysia yang mereka juga akan berlaku. Bolehkah saya mendapat pandangan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri macam mana kita boleh memberikan jaminan bahawa sistem perbankan dan kewangan masih kukuh. Kerana kalau kita lihat pengalaman yang berlaku ke atas MBF Finance di mana terdapat runs yang berlarutan beberapa hari boleh meyakinkan pelabur luar negara bahawa sistem perbankan adalah kukuh dan tidak ada berlaku satu crash mana-mana bank di Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang perlu kita lakukan ialah memberikan data yang mencukupi. Umpamanya anggapan oleh kerana berlaku krisis kewangan di Thailand, maka ia akan berkaitan dengan masalah negara kita ataupun berlaku di Indonesia, kemudian kita kata who is next. Kita patut memberikan disclosure, maklumat yang perlu. Umpamanya anggapan kita tentang non-performing loans beberapa peratus. Sebab itu dalam menjawab beberapa pertimbangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tegaskan bahawa Malaysia bertuah kerana pengawasan Bank Negara itu cukup ketat. Oleh yang demikian, beberapa langkah yang diambil oleh sistem kewangan kita tidak disenangi oleh banyak pihak. Tetapi kita tidak dapat berkompromi, kerana kalau kita lihat perkembangan negara-negara jiran, kegagalan mereka ialah kerana sistem perbankan itu tidak kemas dan hidup di bawah telunjuk orang-orang yang berkepentingan atau berpengaruh. Jadi, akhirnya setiap orang yang berkepentingan dalam kerajaan atau luar kerajaan mempunyai satu institusi kewangan dan mereka boleh dictate apa yang mereka perlukan pinjaman atau hutang-piutang. Akhirnya, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatikan perkembangan yang berlaku di Thailand dan Indonesia. Di negara kita setakat ini kita sudah beri keputusan dan saya mengumumkan beberapa langkah sepertimana yang dibuat dalam Belanjawan baru-baru ini tentang keperluan pengawasan, pertama. Keduanya, keperluan disclosure, maklumat dan ketiganya,

keperluan mempertahankan supaya sistem kewangan kita itu dapat dipulihkan kalau didapati ada kelemahannya.

Dibangkitkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kedudukan industri pasaran kalau ada dianggap sebagai kelemahan dalam sistem pengawasan atau keadilan atau ketelusan dalam urusan niaga pasaran BSKL. Saya ingin jelaskan juga beberapa langkah tambahan juga telah diambil. Ini termasuk umpamanya memastikan kecukupan modal, disiplin kewangan firma, broker saham dan juga meminda peraturan-peraturan di mana perlu.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan isu berkaitan dengan dengan penswastaaan. Kali ini dalam sejarah kita bicarakan soal penswastaaan, ini agak lebih panjang sekali dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi mengenai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menegaskan betapa penting ada disclosure supaya boleh memulihkan keyakinan atau menaikkan keyakinan mengenai sistem perbankan. Adakah mengikut satu analisa oleh Jadin Flaming baru-baru ini yang ada buat satu anggaran bahawa non-performing loans di Malaysia tahun depan akan berjumlah RM57 bilion. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju mengesahkan oleh kerana prinsip disclosure dan ini ialah 15% daripada total loan portfolio yang sangat tinggi dan adakah ini akan menjadikan satu risiko yang tinggi sama ada kerajaan akan mengambil tindakan yang segera sungguhpun painful atau mahu mengikut contoh Jepun tidak mahu ambil tindakan yang tegas, tetapi akhirnya memanjangkan satu krisis kewangan.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada sebut mengenai semua menunggu apa yang berlaku di Indonesia, di Thailand sama ada kemelut di sana akan diperbaiki. Di Thailand apabila Perdana Menteri Chavalit umum dia akan letak jawatan, pasaran saham naik, apa mesej itu. Sebenarnya sepatutnya apabila seorang Perdana Menteri kata dia mahu resign, pasaran saham patut jatuh. Tetapi di Thailand apabila beliau kata dia akan resign, pasaran saham naik. Bukankah ini ada satu mesej yang mustahak untuk rakyat Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tricky question. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan dalam analisa, saya bukan hendak mengaku saya pakar, tetapi sebelum Belanjawan dan sekarang umpamanya, semua analisa yang diketahui, itu tentunya saya teliti. Kebanyakan dibuat juga saya rangkum sebagai quite dirty service (QDS). Kerana maklumat itu sebahagiannya tidak tepat, sebahagian umpamanya dari penyelidik dan penyiasat datang satu-dua hari dan dia balik. Dia tengok masalah ekonomi ataupun banking sector di Thailand, dia kata sama juga di Malaysia kerana supervision lacking. Tetapi analisa tidak betul. Umpamanya kita tengok macam current account deficit. Sebab itu saya sengaja menyebutkan current account deficit.

Pada tahun 1995 defisitnya 10.5% daripada KNK. Kalau hendak terganggu, dia terganggu pada masa itu. Sekarang 5% daripada KNK, dia tidak mungkin terganggu kalau sudah 10%. Dan kita ambil langkah-langkah untuk mengurangkan sehingga 4% dan 3% berikutnya. Non-performing loans yang disebut tadi, kita gunakan minimum international standard dan kita masih kekal pada tahap 3%. Tetapi dia kata oh now you kekal. Tetapi mana you tahu tahun depan projection kita akan parah. Jadi, projection dia itu tidak pernah yang positif, surplus. Dia kata dia minta supaya surplus di Thailand mesti mencapai di sekitar US\$1 bilion, RM1.8 bilion kita lebih kurang pada masa itu. Surplus kita RM3.9 bilion. Itu tidak jadi plus point bagi dia kerana dia melihat rantau ini sebagai satu entiti. Kalau dia bangkitkan soal perletakan jawatan, di Malaysia iklimnya berbeza. Kenyataan kita menyokong Perdana Menteri, itu memberi keyakinan tambahan dan menaikkan pasaran saham, bukan sebaliknya di Thailand. Di Thailand, bila Perdana Menteri kata hendak letak jawatan, dia merosot. Itu pun perkembangan sementara.

Saya tidak fikir hal-hal ini boleh menggugat. Pada hemat saya sendiri pun soal pertukaran kerajaan di Thailand, itu bukan soal significant. Yang penting ialah tindakan kerajaan pertamanya mengurus ekonomi tempatan, dan keduanya, masalah persepsi dana asing. Kerana dana asing kalau kita hendak panjangkan banyak juga masalah dia. Dia hurt mentality, satu, dan satu lagi euphoria. Pada satu ketika semuanya pergi Russia, kemudian semuanya undur. Kemudian kata semua pergi Latin Amerika, dia undur, merudum di Latin Amerika dan dia datang ke Asia, dan dia undur daripada Asia, merudum sekejap. Jadi, soal itu tidak menjejaskan kalau asas ekonomi negara kita kukuh. Sebab itu saya cadangkan supaya kita tumpu perhatian untuk mengukuhkan asas ekonomi agar angin dan ribut yang sementara berlaku ini tidak akan menjejaskan keutuhan ekonomi.

Berbalik kepada soal penswastaan, Ahli-ahli Yang Berhormat ramai sekali yang menyentuh tentang soal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Klang, Seremban, Kuala Pilah, Batu Gajah dan lain-lain termasuk kedudukan dan cadangan isu kenaikan tol oleh PLUS. Saya telah beri jawapan baru-baru ini bahawa keputusan belum dibuat, kita ambil perhatian tentang keperluan meneliti perjanjian yang ada dengan PLUS, dan keduanya supaya kenaikan kalau pun perlu tidak akan membebankan pengguna jalan raya. Oleh yang demikian, pihak Perbendaharaan sekarang telah memulakan rundingan dengan pihak PLUS dengan prinsip yang cukup jelas. Kita akui ada keperluan kenaikan, tetapi kita tidak bersetuju dengan kenaikan mendadak berdasarkan pertimbangan yang dibuat sekarang. Jadi, saya mintalah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar, dalam satu-dua minggu ini....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:sebelum keputusan muktamad dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa akan membenarkan kenaikan tol kalau perlu tetapi tidak membebankan rakyat, tidak membenarkan kenaikan secara mendadak. Bukankah apa yang kita perlu ikut ialah apa yang ada dalam konsesi kontrak yang membenarkan PLUS menaikkan kadar tol setiap tahun. Kalau saya tidak silap 6% ataupun mengikut cost of living. Itulah ditetapkan dan kerajaan tidak boleh lari daripada tanggungjawab itu. Selain daripada kerajaan sekarang mengakui bahawa kontrak yang ditandatangani pada tahun 1987 ialah membebankan rakyat jelata dan tidak patut ditandatangani. Ini nampaknya sudah menjadi pendirian Pemuda UMNO, Gerakan sungguhpun 10 tahun dahulu itulah pendirian DAP tetapi mereka tidak faham, tidak insaf, tidak mahu setuju, 10 tahun lewat. *[Menyampuk]* Tetapi bukankah apa yang mustahak kalau kerajaan tidak mengikut apa yang dimaktub dalam kontrak itu dan tidak membenarkan apa-apa peratusan dinaikkan sungguhpun dibenarkan dalam kontrak, kerajaan perlu buat bayaran. Dan apabila kerajaan buat pembayaran, bukankah ini akhirnya bayaran oleh orang ramai. Apa yang perlu ialah satu review renegotiation mengenai kontrak Lebuhraya Utara-Selatan, oleh kerana 10 tahun dahulu apabila kontrak itu dibuat ialah dibuat untuk kepentingan UMNO untuk membayar Putra World Trade Center melalui Syarikat Hati Budi dan United Engineers. Ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, sungguhpun orang tidak faham, tidak tahu atau lupa atau tidak mahu ingat. Bukankah masa sudah sampai selepas 10 tahun untuk renegotiation supaya kepentingan UMNO untuk bayar bangunan PWTC tidak menggadaikan kepentingan generasi ini dan generasi yang akan datang, *[Tepuk]* supaya satu kontrak di'renegotiated', supaya tidak membenarkan PLUS boleh ada hak untuk setiap tahun naik tol, untuk hapuskan peruntukan itu, lebih mustahak.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya rundingan Perbendaharaan, Unit Perancangan Ekonomi itu dengan PLUS, UMNO tidak ada campur dalam bab ini walaupun Menteri Kewangan itu UMNO. Jadi, ini saya hendaklah jelaskan faktanya. Soal understood selain daripada itu saya tidak tahu,

sebab benda ini yang saya runding minta Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan Perbendaharaan berunding dengan PLUS, dan perunding itu termasuk kemungkinan meneliti semula beberapa peruntukan, maknanya renegotiate. Jadi, saya cadangkan sebelum Yang Berhormat dari Tanjong sebut lagi, saya minta supaya dikaji semula beberapa peruntukan dalam agreement yang telah ditandatangani. Kerana sementara agreement itu ada kebijaksanaan. Janganlah kita tengok yang negatif sahaja. Projek penswastaaan kita juga jadi model. Sebab itu saya katakan kita harus mencari jalan memperbaiki kelemahan-kelemahannya. Kerana kita renegotiate berdasarkan increase traffic flows sekarang.

Kita juga kaji kalau kemungkinan ada cara lain di mana kelonggaran dan insentif diberikan oleh kerajaan kepada PLUS termasuk umpamanya pembinaan bangunan, sektor komersial di sekitar lebuh raya yang semua akan memberikan pulangan dan keuntungan kepada PLUS. Dengan secara demikian, kita boleh tentukan supaya dikurangkan kadar tol yang dikenakan kepada rakyat tanpa memerlukan kerajaan membayar ganti rugi yang banyak kepada PLUS, kerana ini juga saya setuju tidak munasabah kalau kita terus kurangkan kadar tol dan terpaksa bayar ratusan juta ganti rugi kepada PLUS, dan ini akan membebankan wang kerajaan dan saya fikir kerajaan tidak bersedia untuk berunding berdasarkan pertimbangan itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai tol. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai disclosure, transparency, kenapa sampai sekarang konsesi kontrak yang ditandatangani antara PLUS atau United Engineers dengan kerajaan mengenai penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan tidak diumumkan, masih dalam Official Secret Act. Kenapa ini tidak boleh diumumkan supaya orang ramai atau rakyat pun boleh ada masa, ada peluang untuk meneliti kontrak itu dan memberi cadangan kepada kerajaan. Adakah kerajaan rela untuk umumkan kontrak ini dan keluar daripada Official Secret Act?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir itu satu isu kerana peruntukan dan agreement diketahui umum dalam syarikat itu, kerana syarikat itu sudah menjadi PLC. Oleh yang demikian, perjanjian-perjanjian ini tertakluk kepada keperluan PLC yang berkenaan untuk memberikan maklumat kepada orang ramai. Jadi, perkara itu tidak berbangkit pada hemat saya. Soalnya sekarang ialah untuk mencari penyelesaian, walaupun Yang Berhormat dari Tanjong berusaha kuat untuk mendapatkan political mileage untuk Sungai Bakap. Saya fikir itu susah, sebab soal ini tanpa memikirkan soal by-election yang ada, saya telah berikan arahan kita harus teliti dan kita tidak bersetuju dengan cadangan awal untuk menaikkan pada kadar yang ditetapkan atau diumumkan pada peringkat awal, itu period. Soalnya kita sedang rundingkan semula bagaimana dapat dikurangkan. Saya percaya rakyat akan bersama kita, dia faham, hendak jalan elok, hendak jalan lebar, hendak perjalanan cepat tetapi tidak hendak bayar lebih itu susah. Tetapi janganlah bayar lebih sehingga membebankan ataupun janganlah tidak bayar langsung sepertimana Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak mahu perkhidmatan diprotes, mahu berani tidak bayar langsunglah. Tetapi bukankah, saya tidak mahu sebut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata ini untuk Sungai Bakap. Ini kita menentang 10 tahun dahulu dan sebab ini kita pun masuk Kamunting ditahan di bawah ISA, bukan untuk Sungai Bakap, tetapi untuk generasi ini dan generasi yang akan datang. Harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh sedar dalam perkara ini, bukan untuk kepentingan Sungai Bakap. Kita tahu Barisan Nasional akan menang di Sungai Bakap, kita tahu tetapi masalah ialah majoriti.

Seorang Ahli: Terima kasihlah.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau majoriti tidak besar akan kalah semacam di Kidurong, sungguhpun menang tetapi kalah. *[Tepuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Di dalam demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, menang, menang, kalah, kalah. Tidak ada kalah dalam menang, menang dalam kalah. [Ketawa] Yang Berhormat dari Tanjong bawa teori baru, kalau kalah pun menang.

Tuan Lim Kit Siang: Morality. [Ketawa]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Okay, Yang Berhormat dari Balik Pulau bangkitkan soal penswastaaan supaya jangan dimonopoli oleh satu-dua syarikat. Maklumat daripada Unit Perancangan Ekonomi menjelaskan bahawa kebanyakan penswastaaan itu tidak diberikan kepada satu-dua syarikat, kebanyakan kepada umum hanya satu-dua syarikat sahaja yang diberikan lebih daripada satu. Walau bagaimanapun, yang penting ditekankan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga beberapa Yang Berhormat yang lain termasuk dari Yan, Kuala Pilah tentang tanggungjawab sosial dan juga kepentingan syarikat tempatan dan syarikat bumiputera. Ini memang dalam prinsip penswastaaan dan kita akan pastikan supaya ia terus dilaksanakan dengan teratur.

Ahli Yang Berhormat dari yan juga membangkitkan kedudukan Tan Sri Rashid Hussain yang menjadi Ahli Lembaga Khazanah Holdings Bhd. Perdana Menteri telah melantik Tan Sri Rashid Hussain sebagai Ahli Lembaga Pengarah kerana pengalaman luas beliau dalam bidang peniagaan. Tetapi beliau telah membuat satu pendirian yang tegas di mana semua kepentingan yang melibatkan Khazanah, beliau dan syarikat beliau telah tidak terlibat atau mengikut campur. Oleh yang demikian, peranan beliau dalam Khazanah itu masih diperlukan dan telah memberikan banyak faedah kepada Khazanah.

Tentang dakwaan bahawa Syarikat Maju Holdings yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dijamin pinjaman oleh kerajaan. Ini tidak benar. Kerajaan hanya menjamin pinjaman yang telah dibuat sebelum ini oleh Perwaja yang kemudiannya diambil alih oleh Maju Holdings. Tidak ada jaminan baru yang dibuat.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu apakah gunakan penswastaaan. Kalau kita menswastakan sesuatu kita masih perlu menjaminkan semua pinjamannya, saya rasa ini akan menolak atau mengalahkan tujuan utama penswastaaan, iaitu meringankan beban kerajaan dari segi perbelanjaan yang akan ditanggung. Juga tentang KTMB, kes yang serupa, di mana sungguhpun ianya telah diswastakan kepada Marak Ungul, tetapi selepas penswastaaan pihak kerajaan terpaksa mengeluarkan RM4.15 bilion untuk membuat sistem kereta api pendular, tilting train system, dengan izin. Apakah maknanya penswastaaan kalau selepas penswastaaan kerajaan kena keluarkan wang yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat swasta?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kita kena tengok apa yang hendak diswastakan itu apa. Kita hendak swasta Perwaja, tanggungannya banyak dan tanggungan itu bertambah. Jadi, prinsip dalam penswastaaan ialah kerajaan tidak mengambil beban tanggungan baru sama sekali. Tidak ada sesiapa yang akan ambil alih Perwaja kalau kita serahkan semua sekali termasuk dengan tanggungan. Oleh yang demikian, dalam perundingan itu kita katakan tanggungan lama itu dapat dilangsaikan mengikut kadar peringkat tertentu, tetapi semua komitmen baru itu menjadi tanggungjawab syarikat. Jadi, Oleh yang demikian, prinsip yang sama diguna pakai untuk KTMB kerana train pendular yang dimaksudkan itu telah diputuskan oleh kerajaan sebelum penswastaaan. Walau bagaimanapun, beberapa prinsip ini masih belum dimuktamadkan. Jadi, kena beri tempoh untuk kita teliti masalah ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan soal penswastaaan bekalan air Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Sekejap Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya ingat kita kena habis pukul 7.00 malam saya seorang sahaja, orang lain hendak jawab banyak lagi. Ada banyak tajuk lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tiga...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, banyak tajuk lain yang cukup menarik.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum tinggal Perwaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum tinggal Perwaja, oleh kerana Perwaja satu skandal yang begitu besar yang dikemukakan oleh bukan orang lain, tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, masa itu cakap lantang mahu siasat, mahu dapat siapa yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke muka keadilan, tetapi nampaknya semua sudah dilupakan. Adakah ini akan menjadi satu semacam dalam jenayah-jenayah, kesalahan-kesalahan ada unsolve crime, ini satu unsolve scandal di mana tidak tahu siapa yang bertanggungjawab, negara rugi berbilion ringgit. Adakah ini satu skandal di mana ada dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi tinggal di sana sahaja. Kenapa tidak ada apa-apa kemajuan dalam siasatan atau kes ini sudah tutup?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kes siasatan terhadap Perwaja oleh BPR belum selesai, belum tutup. BPR dalam mempersiapkan jawapan, dalam perbincangan saya dengan Ketua Pengarah BPR memaklumkan bahawa pegawai-pegawai BPR telah pun ke Hong Kong, ke Jepun untuk mendapat maklumat. Daripada Hong Kong maklumat sampai ke Jepun, dari Jepun sampai ke Switzerland. Jadi, proses itu agak lebih rumit daripada yang dijangkakan. Kita kena tahu juga kes penyiasatan yang rumit seperti ini, di negara-negara lain pun ia mengambil masa bertahun-tahun. Kita tidak berhasrat menutup, dan saya masih tegas dengan apa yang saya sebut sebelum ini.

Daripada maklumat BPR, saya di antara orang yang menggesa mereka supaya menyegerakan siasatan. Tetapi mereka mengatakan kena ikut saluran. Ini bukan soal keputusan politik. Keputusan politik dasarnya ialah menyasiat. Tetapi untuk mendapatkan maklumat lebih daripada itu, kita kena dapat kerjasama sepenuhnya dari pihak Hong Kong, kerjasama sepenuhnya dari pihak di Jepun, dan tidak semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Perwaja dahulu itu bersedia untuk memberikan maklumat. Tetapi saya berpuas hati dengan kemajuan penyiasatan setakat ini, walaupun tidak boleh saya maklumkan dan umumkan lebih daripada itu.

Mengenai penswastan bekalan air Melaka telah dijelaskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat terlajak, saya tidak sempat hendak tahan, bukan berkenaan Rashid Hussain. Jadi, saya pun faham, tetapi adakah sebagai manusia kadang-kadang sungguhpun Yang Amat Berhormat menjelaskan bahawa beliau tidak terlibat dari segi keputusan dalam Khazanah dengan perniagaan beliau sendiri. Tetapi sebagai manusia, Yang Amat Berhormat sedia maklum kadang-kadang dia terlupa, dia terghalib ataupun sengaja terlupa, dan sebagai seorang ahli perniagaan beliau boleh mendapat kepentingan, sama ada kepentingan keuntungan peribadi dan sebagainya. Jadi, bolehkah ke depan ini Khazanah membuat satu guideline, iaitu orang yang terlibat

dalam bidang peniagaan tidak sepatutnya berada di dalam badan kerajaan yang sedemikian, kerana orang yang duduk dalam badan ini adalah mempertahankan dan menjaga hak Khazanah Negara itu sendiri. Betulkah Yang Amat Berhormat, saya hendak minta sedikit information dalam Dewan yang mulia ini mereka ini juga tidak terlibat dalam isu saham itu. Kerana saya difahamkan kawan-kawan kita ada terlibat. Jadi, bolehkah Yang Amat Berhormat memberi penjelasan yang mereka ini tidak terlibat ataupun terlibat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan bahawa Perdana Menteri memilih untuk melantik mana-mana wakil dalam badan-badan kerajaan termasuk Khazanah. Terutama kerana Khazanah ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan saya bertindak sebagai Timbalan Pengerusi. Ini ialah kerana kita mahu kemahiran dan kepakaran yang ada. Dasar kerajaan jelas, kita mahu sumbangan orang yang berpengalaman dalam kerajaan dan juga dalam sektor swasta. Semua badan kerajaan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam swasta itu memang diambil untuk memberikan sumbangan dan kepakaran dalam bidang masing-masing untuk membantu jentera kerajaan.

Pada peringkat ini untuk kita berlaku adil, kita tidak ada alasan sama sekali untuk mempertikai kewibawaan beliau. Syarat-syarat dan prosedur yang ketat ditetapkan dalam semua keputusan yang dibuat oleh Khazanah, dan oleh yang demikian, walaupun perkara ini telah diangkat untuk pertimbangan Perdana Menteri dan Perdana Menteri tidak bercadang untuk membuat apa-apa perubahan dalam keputusan sebelum ini. Saya fikir ini juga munasabah. Walaupun dikaitkan dengan apa-apa langkah tentang pemiagaan jangka pendek (short selling) baru-baru ini, siasatan telah dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti dan kepada banyak pihak dalam negara, tetapi dirujuk kepada kedudukan Tan Sri Rashid Hussain, tidak ada alasan sama sekali. Bahkan setelah melihat perkara ini saya yakini bahawa khabar-khabar ini sebenarnya dimulakan oleh orang-orang peniaga yang iri hati sesama sendiri membangkitkan isu di antara rakan-rakan peniaga mereka, dan kita tidak boleh jadikan Dewan ini untuk kita melayani khabar-khabar angin dalam persaingan dan adu-domba di antara syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung tentang kedudukan bekalan air Melaka. Penilaian telah dibuat ke atas 14 syarikat dan kemudian cadangan yang terbaik sahaja yang diputuskan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini masih mendapat perhatian saya tidak bersedia dengan maklumat-maklumat tambahan sehingga keadaan itu lebih jelas lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Seremban, Klang dan Parit Sulong membangkitkan isu tentang perlunya usaha menggalakkan pengeluaran makanan. Kita telah juga mengumumkan beberapa langkah termasuk peruntukan tambahan, dan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian-kementerian yang berkaitan telah diminta untuk meningkatkan usaha dalam bidang tersebut.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyentuh tentang kejatuhan nilai Ringgit dan bagaimana perkembangan ini boleh membantu peningkatan eksport negara, kerana ada kenyataan ini yang dipertikaikan. Sebenarnya kejatuhan nilai Ringgit, itu berbanding dengan Dolar Amerika. Maknanya, kita mempunyai kekuatan Ringgit, pulangan Ringgit yang lebih besar untuk eksport. Sebab itu sektor plantation sekarang ini mendapat pulangan yang cukup tinggi. Maknanya, tidak semua keadaan itu lebih rumit. Oleh yang demikian, buat sementara waktu, sementara kedudukan Ringgit itu terjejas, kita harus gunakan kekuatan untuk mengekspor, kerana kalau kita berjaya untuk menambah eksport dan mengurangkan import, maka kekuatan ekonomi lebih terjamin.

Yang Berhormat dari Tanjong mempertikai keputusan potongan 2% dalam perbelanjaan kerajaan, sementara peruntukan untuk belanja mengurus dan pembangunan lebih tinggi, saya telah jelaskan secara umum hal yang sedemikian

keadaan yang tersebut. Kerana kita tidak boleh memperkecilkan peranan sektor swasta dalam keadaan sekarang ini. Semua rakyat termasuk sektor swasta terjejas. Tetapi adalah bahaya kalau kita biarkan institusi kewangan dan juga sektor swasta juga turut terjejas, kerana sepertimana yang berlaku di negara-negara jiran bila keadaan itu melanda dan sektor swasta itu terlibat secara parah, maka mula tindakan pembuangan pekerja, penutupan syarikat dan sebagainya. Oleh yang demikian, ada kebijaksanaan untuk kita mengurangkan beban mereka dengan syarat mereka menanggung sedikit-sebanyak masalah bersama dengan masyarakat umumnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mempertikai kerana tidak ada peruntukan....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:untuk menjaga kepentingan orang miskin. Saya hendak menjelaskan bahawa ini sebenarnya hanya retorik politik. Dari segi peruntukan pembangunan desa, pembasmian kemiskinan, pertanian, kesihatan, pendidikan, itu kita tidak kurangkan, bahkan kita tambah walaupun saya akui kita tidak dapat selesaikan semua masalah, bekalan elektrik, bekalan air bersih, jalan, itu kita tingkatkan. RM496 juta untuk pembinaan jalan kecil, RM246 juta untuk bekalan air dan elektrik di desa. Bila Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkitkan soal orang kampung ini, tetapi peruntukan kita ini kita tambah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun, Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: PPRT RM330 juta, RM519 juta lain untuk subsidi penduduk desa dan petani. Kemudian Syarikat Perumahan Negara kita gunakan peruntukan Petronas sebanyak RM1 bilion. Di samping masyarakat miskin, IKS RM1 bilion dalam keadaan ekonomi begini kita tambah lagi RM1 bilion untuk industri kecil dan sederhana. IKS mengikut pertanyaan Sibu dan Yan tentang kadar. Saya hendak jelaskan bahawa kadar maksimum hanya 2% melebihi kadar pemberian pinjaman asas bagi pinjaman RM1 juta ke bawah, kerajaan akan terus memastikan kadar faedah BLR ini dikekalkan pada kadar yang munasabah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka bangun, Yang Amat Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengapakah kalau kita lihat dari segi Belanjawan tentang kenaikan yang dikenakan ke atas orang kaya dan orang miskin, saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada angka-angka di mana dari segi orang kaya mereka hanya perlu membayar tambahan sebanyak RM251 juta, itu dari segi eksais duti untuk kereta mewah, cukai jalan dan sebagainya. Tetapi untuk orang miskin pula, dari segi kenaikan pasport dan juga kenaikan lesen memandu, mereka perlu membayar RM280 juta, iaitu tambahan lebih RM30 juta berbanding dengan orang kaya. Itulah saya bercakap bahawa Belanjawan 1998 ini lebih membebankan orang miskin daripada orang kaya.

Yang kedua, tentang isu rumah kos rendah yang dibangkitkan tadi oleh Yang Amat Berhormat. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa laporan Ketua Audit Negara yang menyatakan bahawa kerajaan telah gagal dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan hanya mencapai prestasi 25% membina rumah kos rendah. Dan daripada 9,000 unit rumah kos rendah yang kerajaan berjaya membina, 25% diberikan kepada mereka yang tidak layak, iaitu mereka yang ada rumah yang mempunyai pendapatan yang berlebihan dan juga mereka yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan sendiri, kerana sebahagian besarnya ialah pengerusi cawangan MCA, UMNO atau BN. Sekian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas bahawa saya sudah katakan dari segi peruntukan untuk orang miskin lebih. Jadi, saya berterima kasihlah Yang Berhormat dari Kota Melaka terimalah kenyataan itu walaupun susah hendak suruh dia terima. Soal lesen saya sudah beritahu saya akan umumkan langkah-langkah tambahan mengenai lesen memandu sekejap lagi. Tetapi soal rumah kos rendah, itu sebabnya kita ambil langkah-langkah baru, sebab kita tidak berpuas hati dengan pelaksanaan program perumahan kos rendah sebelum ini. Kita tidak boleh nafikan kemajuannya, tetapi kita tidak puas hati, prestasinya tidak memuaskan. Senarai menunggu di Selangor 100,000, di Wilayah Persekutuan 80,000, di Johor 70,000 unacceptable. Sebab itu kita ambil langkah-langkah tambahan. Tetapi saya berpuas hati baik Selangor, baik Wilayah Persekutuan, baik Johor sekarang ini kita tengok jumlah penambahan baru dalam dua-tiga tahun yang lalu ini mendadak, jadi kita terimalah perubahan itu. Kerajaan yang sama juga, cuma ada prestasi yang kurang baik sedikit. Sekarang Kerajaan Barisan Nasional telah meningkatkan.

Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan soal pengeluaran Petronas. Saya jelaskan di sini bahawa memang pengeluaran Petronas telah ditingkatkan sedikit. Pengeluaran minyak mentah pada tahun 1997 dijangka sebanyak 720,700,000 tong sehari.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Gaya memohon agar duti import ke atas jentera berat untuk kegunaan pembalakan dan pembinaan dikaji semula. Kita tidak boleh menimbangkan kerana kita minta supaya jentera yang ada digunakan dahulu. Exit tax di sini dicadangkan beberapa Ahli Yang Berhormat. Tetapi kita di negara-negara ASEAN telah ada muafakat supaya tidak discourage lawatan dan kunjungan antara negara-negara jiran. Oleh yang demikian, mengenakan exit tax ini tidak selaras dengan semangat kejiranan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan soal rebate cukai sebanyak RM400 untuk komputer, ini tidak cukup diminta dinaikkan kepada RM2,000. Saya hendak jelaskan konsep rebate cukai ini. Dia tak sama rebate ini dengan pelepasan cukai sepertimana pelepasan untuk anak dan isteri. Rebate cukai mengurangkan cukai yang perlu dibayar oleh pembayar cukai sementara pelepasan cukai mengurangkan pendapatan yang layak dikenakan cukai, ini dua prinsipal.

Oleh yang demikian, rebate cukai sebanyak RM400 yang telah diberi itu adalah tinggi. Sekiranya dilihat dalam bentuk pelepasan cukai, maka ia adalah bersamaan dengan RM6,666 bagi pembayar cukai yang tertakluk kepada kadar cukai marginal 6% dan RM2,500 maknanya jauh lebih baik daripada yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. We are always one up.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun Yang Amat Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, balik kepada exit tax, cukai levi untuk keluar negara Dato' Seri, kita bukan hendak tax orang yang hendak keluar, kita hendak tax orang-orang kita supaya hendak mengurangkan orang kita keluar negara. Kita tax orang kita. Siapa yang hendak keluar, macam orang-orang kaya, macam menteri hendak pergi London, kita tax orang kita, orang luar tak kena. Fasal apa orang jiran kita yang kita hendak gaduh, kita hendak tax orang kita supaya mengurangkan orang-orang kita daripada belanja di luar negara.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata itu serupalah. *[Ketawa]* Maknanya orang kita yang hendak keluar bila kita tax, kita tidak boleh kata bila hendak keluar ke London kita kenakan cukai, hendak keluar ke Jakarta tidak atau ke Medan atau ke Haadyailah bagi orang Kedah. *[Ketawa]*

Kerana kalau kita kenakan exit tax itu, dia terpakai untuk semua termasuk negara-negara ASEAN, jadi negara-negara ASEAN merasakan dengan itu kita sebenarnya menghalang orang-orang kita melawat negara dia. Jadi, dia nanti ambil satu tindakan yang serupa, jadi, bukan dia datang, kita hendak pergi itu, kita kena bayar lebih. Kalau kita kata orang kaya, baik mungkin kita boleh halang dia dari pergi ke Los Angeles. Tetapi kalau dia pergi Haadyai [*Ketawa*] atau Golok macam mana? Jadi, ada masalah dari segi atau orang-orang yang bekerja di Singapura ataupun ke Medan.

Jadi, oleh yang demikian, sebenarnya kita teliti cadangan Ahli Yang Berhormat tadi memang kita beri perhatian bahkan saya pada peringkat awal memang cenderung untuk bersetuju macam itu, maknanya kita ini memang fikir sama, bagus jugalah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak apa, kalau dalam negara ASEAN, siapa yang hendak pergi ke Haadyai kita tidak usah potong. [*Ketawa*] Siapa yang hendak pergi ke London, Amerika, Los Angeles ini, yang itu kita minta levi tax, siapa yang hendak pergi ke negara ASEAN, sebab Yang Amat Berhormat kata, jiran-jiran kita marah. Jadi, kepada jiran-jiran kita ini, okay. Orang Kedah hendak pergi Haadyai okay. Tetapi kalau orang Kedah hendak pergi London tak okay, kena levi tax, bagaimana?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang itu saya hendak timbang pentadbiran ini kita kena buat undang-undang ataupun peraturan - cukai ini dikenakan kepada semua perjalanan melainkan orang Kedah ke Haadyai. [*Ketawa*] Jadi, bunyinya tak berapa sedap Yang Berhormat. [*Ketawa*] Jadi, sementara ini, tetapi tidak mengapa, kita teliti tengoklah.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Pengkalan Chepa membangkitkan soal perubahan mengapa kita ubah keputusan kita tentang levi RM100,000 bagi hartanah, sebenarnya kita juga ditegur nampak setahun, dua tahun kita ubah. Sebenarnya kalau kita melihat aspek percukaian dan levi itu semua negara di dunia memang dia menunjukkan satu flexibility dalam bidang ini iaitu membolehkan kita menggunakan percukaian ini untuk dalam keadaan tertentu. Bila kita melihat ada kecenderungan terlalu besar banyak daripada pembeli luar yang bersaing dengan pembeli tempatan, kita kenakan cukai. Bila kita melihat pembeli tempatan tidak ada upaya, oleh yang demikian kita tarik balik sekatan. Jadi, dia kena ada kesediaan untuk membuat perubahan di mana perlu.

Ramai juga Ahli Yang Berhormat bangkitkan soal cukai sebagai senjata, sebenarnya saya hendak menjelaskan dalam belanjawan negara, umumnya kita umumkan langkah fiskal termasuk percukaian, jarang kita umumkan langkah kewangan/monetary yang kita serahkan kepada Bank Negara, tetapi pada tahun ini oleh kerana institusi kewangan itu diserang dan tergugat seperti di Thailand dan Indonesia, saya memilih julung-julung kalinya menjelaskan tentang aspek ataupun langkah-langkah kewangan dalam belanjawan. Jadi, oleh yang demikian, kita harus jelaskan bahawa kedua-dua isu ini adalah berkaitan, yang dibangkitkan juga tadi ini saya ada angka yang lebih tepat sedikit tentang keperluan kita mengawal supaya sistem kewangan dan perbankan itu lebih kukuh, ini termasuklah peraturan pengkelasan pinjaman tidak berbayar akan diperketatkan menjadi isu non-performing loans (NPL), Institusi perbankan dikehendaki memberi lebih banyak maklumat, itu telah saya umumkan di dalam langkah belanjawan, maknanya real time gross settlement bagi pemindahan dana itu mesti ada hadnya. Peruntukan yang menghendaki institusi perbankan untuk mengekalkan peruntukan am bersamaan dengan 1% daripada jumlah bersih pinjaman tertunggak tidak termasuk 'interest as a spec.' Ini berhubung dengan

isu 6218 oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Enam menteri, dua timbalan menteri, seorang setiausaha parlimen dan lapan Exco yang disiasat oleh BPR. Ini sejak tahun 1990 sehingga 1997. Dalam jawapan pada 15 Julai 1997 dinyatakan pada masa itu hanya terdapat dua kes yang masih lagi aktif dan yang lainnya telah ditutup kerana tiada bukti yang kukuh atau mencukupi selepas dikaji oleh Jabatan Peguam Negara. Balik-balik Tanjong minta tanya 6218. Saya ingatkan nombor ekor.
[Ketawa]

Pada hal yang jelas dalam jawapan itu lagi saya semak 15 Julai ialah dua kes sahaja yang masih aktif dalam 6218 itu, yang lainnya sudah ditutup. Ini menurut maklumat BPR dan Jabatan Peguam Negara dan saya tidak boleh memberikan maklumat lebih daripada itu kerana itu sahaja maklumat yang diberikan oleh Peguam Negara yang sedang meneliti dan mengkaji dan menyiasat dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tahu bila dalam keadaan siasatan, mencari maklumat yang lebih dan bukti yang kukuh maka tidak boleh dan tidak wajar diumumkan lebih daripada itu. Ini cadangan commission ini memang biasalah, dia DAP ini apa sahaja dia ada royal commission. Baru-baru ini di Melaka pun bayi mati pun dia minta satu lagi commission. Kota Melaka minta saya fikir, jadi, kita tidak bercadang sebab kita telah memberi peruntukan yang cukup kuat sekarang kepada BPR. Undang-undang dan Akta Rasuah yang baru itu kuat, tetapi masalahnya ialah masalah persepsi, kita lulus undang-undang bulan ini, bulan depan kena tangkap - belum tentulah. Dia kena ada kes, dia kena ada bukti, dia kena teruskan siasatan tetapi setakat apa yang saya umumkan walaupun dipertikaikan berulang kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah sebutkan di Parlimen, saya dan kerajaan bahkan Kabinet telah memutuskan ini undang-undang dan ini kuasa BPR, mereka akan terus diberikan kelonggaran, kebebasan untuk menyiasat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak begitu kuat dalam perkara rasuah lagi, suara pun tidak begitu lantang. Kita fahamlah. Hari ini kita baca surat khabar bahawa bekas Menteri Besar Selangor, tarikh sudah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Brisbane mengenai wang RM2.4 bilion yang dibawa masuk ke Australia, yang tidak diisytiharkan, masalahnya ialah kenapa kita tidak melihat apa-apa penyiasatan atau apa-apa kemajuan siasatan bukan sahaja oleh BPR tetapi pun oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh kerana inilah pun perlu satu siasatan kenapa ada wang begitu berjuta-juta ringgit, adakah ini diisytiharkan dalam income tax, kenapa tidak melihat apa-apa kemajuan, sungguhpun BPR pada awal tahun ini ada kata akan buka fail ini. Buka fail, tetapi buka fail tutup fail. Bukankah ini satu contoh di mana yang menunjukkan bahawa sungguhpun ada Akta Anti Corruption yang baharu tetapi tidak ubah apa-apa mengenai kemahuan politik dan adakah BPR atau public prosecutor rela menggunakan 33B di bawah Anti Corruption Act untuk mengarahkan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad bin Mohd. Taib untuk mengisytiharkan menerangkan bukan sahaja sumber kekayaan luar biasa tetapi puncanya dan kalau tidak boleh diterangkan di mana ini dianggap sebagai korupsi dan ambil tindakan mengenai perkara itu menunjukkan bahawa sekarang bukan sahaja ikan bilis ditangkap, ikan jerung pun ditangkap, bukan sahaja cakap-cakap sahaja.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia mahu tindakan, semua orang mahu ambil tindakan, tetapi saya kata tindakan itu berdasarkan maklumat. Ini bukan proses politik, ini proses keadilan. Dia ada beza, tanya saya, saya lebih cenderung untuk menyatakan dengan bidang kuasa yang ada pada Akta Pencegah Rasuah, kita harus bertindak segera untuk memberikan mesej yang jelas bahawa kita tidak bertolak ansur dengan perilaku rasuah. Tetapi bagaimana untuk melaksanakan itu urusan BPR dan oleh yang demikian, siapa yang mengatakan kes ini atau kes yang dikaitkan itu ditutup atau tidak.

Saya serah kepada kebijaksanaan BPR untuk meneruskan dengan siasatan dan mengambil tindakan, tetapi tindakan itu kita tidak boleh memberi time frame, akhir November mesti bertindak kepada jerung, akhir Disember mesti ambil tindakan kepada bilis, itu saya fikir bukan berlaku dalam hal yang sedemikian. Seluruh rakyat mahu tindakan terhadap kes Perwaja yang sudah mengambil masa terlalu lama dan kita terpaksa berdepan dengan orang ramai dan dalam Dewan yang mulia ini menghadapi masalah bila mengatakan bahawa kes ini belum selesai. Tetapi sebenarnya, bila saya tanya BPR, dia kata dia memerlukan tempoh kerana kes ini tidak ada faedah untuk dia bawa ke mahkamah, hadap ke mahkamah dan kemudian di tolak begitu sahaja tanpa penyelesaian yang dikehendaki.

Jadi, inilah juga semangat yang dibangkitkan oleh Ledang, Kubang Kerian, Kota Melaka, Batu Gajah dan Tanjong dalam soal BPR dan saya ingin menjelaskan bahawa ini juga kita teliti melalui Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan kerajaan dan Jawatankuasa Khas Kabinet ini meneliti setiap kali ada aduan, kita rujuk kepada badan-badan yang bertanggungjawab dan sebenarnya dari segi ketelusan dan peraturan, kita lebih berpuas hati sekarang daripada keadaan sebelum ini.

Jelutong dan Teluk Intan bangkitkan soal perlantikan Hakim Besar Malaya, belum ada perlantikan dan memang benar tugas-tugas dan kuasa Hakim Besar Malaya pada masa ini dijalankan oleh Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia di samping menjalankan tugas-tugas hakiki beliau. Ada beberapa calon yang layak, yang dicadangkan tetapi pihak berkuasa perlantikan memerlukan sedikit masa lagi untuk membuat pertimbangan yang teliti supaya calon yang sesuai dan layak dipilih. Kalau dikaitkan ini ada pergolakan, kita tidak diberitahu tentang apa-apa pergolakan dalam badan kehakiman.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga membangkitkan soal pengkebumian Toh Puan Bunny Suffian yang dibuat secara Islam pada hal beliau seorang Kristian dan warganegara British. Pertama, saya hendak jelaskan Toh Puan Bunny Suffian adalah seorang warganegara Malaysia dengan kad pengenalan bernombor 7914580 dan bukan lagi warganegara British.

Kedua, saya bertanya kepada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, mengapa mereka menguruskan pengkebumian secara Islam, beliau mengatakan ini maklumat yang diperolehi daripada Tun Suffian sendiri kepada doktor di hospital yang minta supaya diuruskan cara Islam, jadi, kita tidak pertikai umpamanya pengetahuan suami Toh Puan sendiri tentang kedudukan agama Toh Puan. Jadi, kita tidak ada keupayaan untuk bertindak selain daripada itu. Saya sendiri tanya kepada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, mengapa diurus dengan kerjasama adik kepada Tun Suffian, Talha namanya kalau tak salah saya, diurus pengkebumian cara Islam dan jawapan daripada Pengarah Jabatan Agama ialah bahawa ini yang diminta oleh pihak hospital berdasarkan permintaan Tun Suffian dan kemudiannya disahkan oleh adik Tun Suffian. Jadi, itu sahaja penjelasan yang saya boleh berikan. Ketiadaan Hakim Mahkamah Tinggi Teluk Intan, ini akan cuba diatasi, sementara itu kes dibicarakan di Mahkamah Tinggi Ipoh sahaja.

Pelaksanaan hukum syarak di negara ini dibuat berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan dan langkah-langkah yang kemas telah diambil. Menyeragamkan peruntukan undang-undang Islam, memper-kemas pentadbiran Mahkamah Syariah, meningkatkan kecekapan dan profesionalisme pegawai-pegawai yang terlibat dalam pentadbiran Undang-undang Islam, ini semua dilakukan. Soal dakwaan terutama oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS, Marang dan satu, dua yang lain yang kata kita bertindak keras ke atas para ulama. Saya tidak tahu apakah tindakan keras yang dibuat kepada para ulama kerana para ulama dan umarak ini berperanan bersama-sama untuk meninggikan syiar dan mendidik masyarakat dan para ulama yang dilantik sebagai Mufti, Pensyarah, Hakim, Pentadbir, Penasihat Kerajaan dan sebagainya dan pandangan mereka itu diberi pertimbangan yang baik. Oleh yang demikian, saya harap tidaklah pula dibesarkan isu ini termasuk di Changkat Jering.

Kubang Kerian bangkitkan soal pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya, katanya terlalu besar. Yang Berhormat, Pejabat Perdana Menteri mestilah besar. *[Ketawa]* Beza dengan pejabat Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, adalah bezanya dan pejabat Perdana Menteri hendak kata besar sangat pun, saya dapat maklumat di sini 334 meter persegi yang merangkumi ruang pejabat beliau, tempat menemui tetamu-tetamu negara dan juga bilik mesyuarat 12 orang di bilik pejabatnya, tidak lebih daripada itu. Kemudian ruang bekerja, ruang menerima tamu dan memang sungguh kita mahu supaya pejabat baru di Putrajaya itu lebih selesa daripada pejabat di Jabatan Perdana Menteri sekarang. Mudah-mudahan dengan ini pejabat timbalan pun baik sedikitlah daripada sekarang ini, tetapi tidak benar untuk dikaitkan dengan pejabat yang berlebihan. Sebenarnya pejabat Perdana Menteri itu kita agak biar munasabahlah, maknanya kita mahu supaya pejabat itu sesuai dengan kedudukan. Oleh yang demikian, saya harap perkara ini tidak dijadikan isu lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sudah siapkah, kalau sudah siap ada security atau tidak, yang dok biarkan Ahli Yang Berhormat ini pergi dok melawat tengok besar atau kecil ini apa fasal? *[Ketawa]* Fasal benda itu tentu ada security, kenapa yang dok biarkan. Kami Ahli-ahli Parlimen yang lain pun tidak pernah tengok lagi, dok biar dia pergi melilau itu fasal apa? *[Ketawa]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, belum siap, dia cuma tengok rangka sahaja nampak luas. Dia belum ada tiang, belum ada dinding, belum ada semua lagi, nampak luas, besok bila telah ada dinding semua nampak sempitlah sedikit, dia sudah ambil masa.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau bangkitkan soal daftar pemilih pilihan raya yang melibatkan nama-nama pendatang tanpa izin. Suruhanjaya Pilihan Raya hanya mendaftar warganegara, kalau ada sahaja rekod warganegara, dia daftarkan. Soal mengesahkan sama ada penipuan atau tidak itu kalau ada bukti barulah dia boleh ambil tindakan.

Akhir sekali, saya hendak sentuh soal kadar bayar lesen memandu ini. *[Tepuk]* Ahli Yang Berhormat banyak mengemukakan pandangan dan masyarakat pun begitu juga dan Kerajaan Barisan Nasional ini kerajaan prihatin. *[Tepuk]*

Oleh yang demikian, saya hendak beritahu rasional kita. Kita katakan orang yang berpendapatan rendah tidak dikenakan iaitu orang yang ada motor atau yang tidak ada motor, yang paling miskin motor pun tidak ada, ada basikal, dia tidak kena bayar. *[Ketawa]*

Kemudian kita buat andaian yang ada motokar boleh bayarlah lesen. Tetapi kita juga tahu dalam kategori yang memandu ada yang tidak ada motokar, namanya pemandu. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan dan Menteri Pengangkutan telah juga meminta saya teliti semula dan kita bincang perkara ini dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan berasaskan masalah yang dibangkitkan dan juga kenaikan, saya sekali lagi hendak tegaskan bahawa kenaikan ini ialah kali kedua setelah kenaikan pada tahun 1972 tetapi dibangkitkan seolah-olah ini satu urusan kerajaan yang langsung tidak bertimbang rasa, tidak ada hati perut dan sebagainya. Kerana apa, kerana dalam negara kita ini modal pembangkang tak adalah. Jadi, dia ada satu-satunya modal lesen sahaja. Itupun saya hendak tarik balik supaya dia tidak ada modal. Pasport tidak ditarik balik kerana pasport ini yang hendak pergi keluar negeri, pasport ini orang miskin dia tak keluar, tak payah, yang kerja di Singapura pendapatan cukup tinggi, saya cadangkan kalau pasport itu menjadi masalah, dia boleh kerja di Johor.

Oleh itu, bagi lesen belajar memandu, PDL

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pasport.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar selesai yang pandu ini dahulu. Yang dahulunya saya cadangkan supaya dinaikkan daripada RM20 kepada RM50, tetapi masa saya cadang hari itu DAP dia tepuk tangan juga. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli DAP: Tidak!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak ya. Saya silap dengarlah, boleh jadi belakang itu saya fikir, Teluk Intan mungkin. *[Ketawa]* Sekarang kita pinda supaya kenaikan itu hanya RM30. *[Tepuk]* Dia naik RM10. Naik RM10 sahaja, hanya dalam tempoh 20 tahun naik RM10, begitu adilnya Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena minta jalan Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bagi lesen memandu percubaan dicadangkan naik untuk dua tahun RM40 hingga RM100. Sekarang kita naikkan dari RM40 hingga RM60 sahaja. *[Tepuk]*

Bagi lesen lulus kenderaan barang JDL, lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam Public Services Vehicle (PSV), lesen konduktor, konduktor bas atau konduktor lori, kadar yang dicadangkan dahulu dinaikkan daripada RM10 kepada RM50. Sekarang dicadangkan dinaikkan dari RM10 kepada RM20 sahaja. *[Tepuk]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada dua yang bangun Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Motosikal tidak ada perubahan kerana tidak dinaikkan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak minta penjelasan, hendak membetulkan keadaan. Sebenarnya, yang minta tentang turun lesen ini saya takut jadi isu pilihan raya, bukan DAP, saya bangkitkan dan kawan-kawan saya bangkitkan *[Tepuk]* supaya lesen itu, sebab kita Barisan Nasional ini selalu kita timbangkan masyarakat di kampung-kampung itu, jadi, bukan DAP, Dato' Seri dok kata DAP minta, dak! Depa benda itu depa tidak minta. Yang kita semua ini wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang minta supaya lesen itu dipertimbangkan semula. *[Tepuk]* Sebab mereka tidak cakap yang ini, saya takut digunakan di Sungai Bakap dengan Changkat Jering ini bahawa mereka tuntutan, berjaya hari ini. Ha, itu saya tak hendak! *[Tepuk]*

Ini saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari ini mengatakan bahawa oleh sebab permintaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Barulah kita boleh menang di sana. Ini DAP menggunakan ini, tetaplah, senyum sahaja semua itu. *[Ketawa]* Ha, saya hendak mempertahankan bahawa ini adalah permintaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sebut kata Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang bangkitkan, saya kata dia tepuk bila saya umumkan dahulu. *[Ketawa]* Tetapi dia nafikanlah, tak apalah. Saya dengar macam belakang, saya fikir barisan Teluk Intan, tetapi dia kata bukan, tak apalah. Saya terimalah boleh jadi saya silap dengar masa itu. Tetapi saya agak dia sokong masa saya umumkan dahulu.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada tiga yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tetapi selepas itu memang kita tahu banyak rayuan yang dikemukakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dalam Dewan dan juga di kantin bangkitkan juga masalah ini, *[Tepuk][Ketawa]* meminta saya memberi pertimbangan dan atas pertimbangan itulah maka saya bersetuju menurunkan kadar lesen sepeertimana yang saya umumkan sebentar tadi. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Bagi pihak penduduk-penduduk, pengundi-pengundi Sungai Bakap, kita terima kasih. *[Ketawa]* Tanpa pilihan raya kecil di Sungai Bakap, tak ada turun, bukan? Itulah ertinya pilihan raya di Sungai Bakap dan mungkin Changkat Jering. Ha, itulah sebab, tidak ada pilihan raya kecil tak ada turun. Bukankah benar bahawa tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut mengenai public service vehicle dan konduktor lori yang lain RM10 yang sebenarnya RM50 turun ke RM30, bukankah ini tidak ada dalam Budget, tidak ada dalam appendix, mungkin itu dihasratkan tetapi ditinggalkan.

Kalau begitu bukankah lebih munasabah bahawa kenaikan untuk PSV dibatal semua sekali oleh kerana saya telah check ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Budget atau appendix, tak ada langsung. Sekarang mana boleh dengan surreptitiously insert satu tambahan yang tidak ada dalam Budget. Ini illegal, ini dishonest, ini tak patut, bolehkah ini ditarik balik sama sekali oleh kerana sudah ditinggalkan dalam Budget 1998 kalau mahu masuk tunggulah tahun hadapan untuk Budget 1999 sudah ditinggalkan atas apa sebab, saya tidak tahu, oleh kerana saya ada check tidak ada kenaikan untuk lesen public service vehicle atau konduktor, taxi driver dan lain-lain.

Kedua, kenapa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak mahu mengkaji mengenai kenaikan pasport. Kenaikan pasport daripada RM145 kepada RM300 apabila dua tahun dahulu selepas pilihan raya besar 1995, sebagai hadiah kepada pengundi-pengundi oleh kerana memberi landslide victory kepada Barisan Nasional sudah naik pasport daripada RM60 kepada RM145, dua tahun sahaja, satu hadiah kepada pengundi-pengundi oleh kerana Barisan Nasional menang, barang naik. RM60 dua tahun sahaja naik RM145, sekarang RM145 ke RM300 ialah dalam dua tahun naik lima kali, 500% dan untuk 64 muka RM100 masa itu dua tahun dahulu, naik RM265 sekarang naik ke RM600 - 600%.

Bagaimana kalau lesen boleh dikatakan semenjak 1972 selama 25 tahun tak pernah naik, saya percaya ini pun silap, saya akan check. Saya percaya ini pun silap, tak benar. Ada naik, tetapi kalau ini diberi sebagai satu sebab bahawa boleh naik, oleh kerana 25 tahun tak naik. Pasport dua tahun dahulu sudah naik, kenapa lagi naik begitu tinggi.

Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbangkan lagi supaya sebelum membuang undi pada hari Sabtu lagi satu pengumuman turun bayaran untuk pasport.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya faham Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini marah sedikit, dia dukacita kerana pengumuman ini menyenangkan orang-orang Sungai Bakap dan Changkat Jering kepada keputusan daripada Barisan Nasional.

Sebenarnya saya lebih faham orang Sungai Bakap ini kerana saya dilahirkan di Sungai Bakap. Jangan lupa! Sekarang orang Ceruk Tok Kun tetapi saya dilahirkan di Sungai Bakap.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tetapi saya hendak jelaskan di sini, terutamanya dalam rekod kita memang dalam rekod lengkap measures itu memang dimasukkan. Saya semak kebetulan baru sebentar tadi sekali lagi, jadi, maknanya JDL, PSV, lesen konduktor ini semua saya bacakan ini semua yang dalam senarai yang dicetak dan diedarkan sepenuhnya.

Yang keduanya, soal pasport kita kena faham. Saya hendak tanya orang miskin mana yang ada pasport ini, itu satu.

Yang keduanya, kalau kita kata 64 muka ini umumnya bagi orang yang menggunakan kemudahan untuk perjalanan ke luar negara dan kebanyakannya yang terlibat dalam urusan perniagaan. Kita tahu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong di antara orang yang paling keras mengkritik kita tidak mengambil tindakan tegas untuk mengurangkan defisit akaun semasa. Inilah di antara langkah untuk mengurangkan masalah yang kita hadapi iaitu dengan mengurangkan minat dan kecenderungan masyarakat tempatan melancong ke luar negara.

Kalau soal pekerja saya katakan tadi, kita ada pilihan, sekarang ini kita kurang pekerja di Malaysia, kita kurang tenaga kepakaran dan kemahiran, mengapa kita hendak mencari jalan hendak galak orang bekerja di luar negara ini, taat kepada negara mana, saya hendak tanya. Kita punya loyalti ini ke mana, kalau ke Malaysia kita kena cari jalan galakkan masyarakat kita bekerja di negara kita sendiri. Dan kalau soal pasport terhad, ada pasport terhad boleh gunakan pasport terhad ke Singapura dengan kos yang lebih rendah daripada pasport antarabangsa.

Jadi, kalau kita ada semangat untuk adakan disiplin siapa yang hendak berjalan ke luar negara dia bayar lebih dan orang kampung, saya hendak tanya orang Changkat Jering dan orang yang berpendapatan rendah di Sungai Bakap, siapa yang menggunakan pasport antarabangsa. Kalau lebih daripada satu perempat, saya bersetuju kita batalkan semua keputusan ini. Mana ada satu perempat daripada penduduk Sungai Bakap dan Changkat Jering umpamanya orang-orang kampung - tak ada. Yang ada ini Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP yang ke luar negara ini. *[Ketawa]* Jadi, bayarlah tak ada masalah. Saya tidak larang.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Amat Berhormat Dato' Seri bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah berkata bahawa bayaran lesen tidak dinaikkan sejak 25 tahun dan sekarang dinaikkan RM30 untuk 12 bulan dan satu bulan hanya RM2.40, itu pun tidak cukup membeli satu kotak rokok. Itu kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan sekarang Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena kata di sebelah sana pula mereka yang mendesak kerajaan supaya dikurangkan. Inilah talam dua muka. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa kenaikan lesen dari RM20 ke RM30. Jadi, saya hendak dapat penjelasan apakah dasar kenapa perkara ini dinaikkan, adakah ini asas dari Barisan Nasional sendiri kerana BN itu bermakna 'barang naik' dan 'baru naik', jadi semua hendak naik. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Hai, hang freshie duduklah! Freshie hendak cakap banyak.

Tuan M. Kulasegaran: Selain dari itu, saya juga hendak tahu apakah sebab dalam keadaan rumit ekonomi Malaysia ini kita dapat memberi RM1 bilion kepada Indonesia, saya perlukan penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Satu lagi, apa akan terjadi kepada mereka yang sudah bayar, adakah rebate akan diberikan kepada mereka yang sudah bayar?

Seorang Ahli: Tak payah tanyalah, itu kerajaan tahulah hendak buat!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soal kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memang benar, keputusan dibuat oleh Jemaah Menteri, saya sendiri umumkan dan kita pertahankan keputusan itu dan jarang pada prinsipnya kita dalam Belanjawan kita tidak cenderung untuk menarik balik kerana ia menimbulkan banyak masalah. Tetapi

Tuan Lim Kit Siang: Kerana ada by-election.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak, saya serius, ada by-election atau tidak itu perkara kecil. Sungguh! Soal Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju atau tidak bersetuju, saya tak kiralah. Tetapi kita ambil kira kerana tujuan saya, rasionalnya ialah orang yang mempunyai motokar. Tetapi saya dapati yang tidak mempunyai motokar itu tetapi pegang lesen memandu itu juga terlalu ramai dan oleh yang demikian, kita tidak mahu membebankan.

Saya mesti sebut di sini bahawa walaupun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mempertahankan dasar kerajaan masa itu, dia juga telah membangkitkan perkara ini kepada saya minggu lalu, minta supaya saya memberikan pertimbangan semula *[Tepuk]* dan oleh yang demikian saya juga hendak jelaskan. Jadi, tak tepatlah kalau DAP hendak attack MCA dalam bidang ini kerana MCA dalam hal ini menyokong supaya dikurangkan. *[Tepuk]*

Yang keduanya, soal naik RM10 dalam masa 20 tahun, siapa perintah di dunia ini pun kena naik sedikit. Takkan hendak jadi isu beban kepada orang ramai. Jadi, saya fikir Teluk Intan bolehlah maknanya sebagai Ahli Parlimen baru saya ucapkan terima kasihlah, tahniahlah. *[Ketawa]* Kerana cuba pertahankan Ketua Pembangkang, saya terima baiklah, tetapi alasannya tidak cukup kuat.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Satu sahaja. Just small one.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri.

Tuan M. Kulasegaran: Small one.

Seorang Ahli: Ane, duduk ane!

Tuan M. Kulasegaran: Sedikit sahaja!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah kerajaan akan mengkaji balik mengenai lesen ini kerana macam di negeri New Zealand, there is no such thing in licencing fee at all, dengan izin. Jadi, kalau negara-negara Barat itu, the principle behind this, dengan izin, adalah kerana jabatan macam JPJ ini sebenarnya bila mereka mengutip katakan RM20 atau RM30, it doesn't make sense, its is against economic of scale. Dia tidak ada memberi manfaat yang baik kepada negara.

Ini adalah dari apa yang terjadi di negara-negara Barat terutama di New Zealand dan sebagainya, saya harap kerajaan akan mengkaji balik supaya licencing ini dalam lesen memandu akan dibatalkan sama sekali. Kalau negara itu boleh dibuat, Malaysia saya ingat lebih lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, dia pakar masalah New Zealand sekarang ini. *[Ketawa]* Sebab itulah saya naik kadar pasport supaya jangan dia banyak berjalan ke luar negara sangat. *[Ketawa]* Tetapi kenaikan ini terlalu kecil untuk dijadikan isu politik yang besar dan kita telah kurangkan secara besar maknanya lebih dari setengah daripada yang kita umumkan.

Mengenai US\$1 bilion untuk Indonesia, saya hendak sebutkan di sini, Thailand baik, Indonesia baik. Ini stand by facility. Untuk Thailand masih belum digunakan sampai sekarang dan kita juga harus faham bahawa masalah Thailand ini harus ditangani bersama. Kalau kita ambil sikap umpamanya menyisihkan diri kita pada hal semua negara jiran yang berkeupayaan telah memberikan sumbangan, ia akan menunjukkan bahawa Malaysia ini mempunyai satu sikap yang memencilkan diri dan tidak bersedia membantu negara-negara jiran. Selesai masalah di Thailand, itu akan memberikan kerjasama merangsang pertumbuhan ekonomi negara kita.

Mengenai perkembangan di Indonesia dengan US\$23 bilion yang diterima dari IMF dan kerjasama yang diberikan, saya tidak jangka US\$1 bilion facility itu akan digunakan oleh Indonesia. Walau bagaimanapun, peruntukan itu disediakan tidak akan dimanfaatkan segera dan saya harap mereka dapat memulihkan ekonomi tanpa bergantung kepada sumbangan kita. Walau bagaimanapun, dalam muafakat dan kerjasama di antara negara jiran, kita dan Singapura umpamanya telah mengambil satu keputusan bersama untuk meringankan beban negara-negara jiran asalkan mereka juga mematuhi beberapa syarat yang ditetapkan.

Jadi, sebab itu saya harap masyarakat dapat menerima stand by facility ini kerana saya tidak fikir kita banyak pilihan dalam hal ini menangani masalah bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun lagi, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dan masa tidak mengizinkan, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Sudah habis! Kementerian Kesihatan.

5.10 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 1998 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan yang

mulia ini. Izinkan saya memberi ulasan ke atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan isu-isu penswastaaan, pemeriksaan pekerja asing. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pula telah menegur kerajaan mengapa perkhidmatan ini telah diswastakan tanpa pengetahuan orang ramai dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA). Beliau juga mempersoalkan kenapa konsesi diberikan kepada satu syarikat sahaja dan telah menimbulkan isu monopoli. Beliau juga telah membangkitkan soal kadar yang ditetapkan didapati tinggi.

Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menswastakan pemeriksaan perubatan pekerja asing kerana pada masa ini tidak wujud mekanisme yang komprehensif, yang melibatkan pengamal perubatan kerajaan dan swasta.

Kehadiran pekerja asing seramai 1.7 juta telah menimbulkan beberapa impak kesihatan. Di antaranya ialah kejadian penyakit berjangkit di kalangan pekerja asing, ini termasuk kemunculan penyakit-penyakit lama seperti TB, Kusta dan juga penyakit baru seperti kala-azar yang telah dikesan di kalangan pekerja-pekerja Bangladesh di negara ini.

Mekanisme pemeriksaan dan perubatan pekerja asing yang sedia ada mempunyai kelemahan kerana laporan-laporan pemeriksaan perubatan yang dilakukan oleh pengamal perubatan swasta dibawa terus oleh pekerja asing, ejen atau majikan kepada Jabatan Imigresen. Maklumat-maklumat tentang penyakit-penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja-pekerja asing tidak disalurkan kepada Kementerian Kesihatan dan ini menyuarakan pihak kementerian untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan.

Bagi mengatasi kelemahan ini, Kementerian Kesihatan telah menswastakan urusan pengawasan dan penyeliaan, pemeriksaan perubatan ini kepada Syarikat Fomema yang terdiri daripada Syarikat Anjur Dinamik dan Koperasi Doktor Malaysia. Dengan penswastaaan perkhidmatan ini, semua maklumat mengenai status kesihatan pekerja asing terutama mengenai penyakit-penyakit berjangkit akan dipusatkan di Syarikat Fomema dan kemudian disalurkan kepada Kementerian Kesihatan melalui sistem komputer. Dengan kaedah tersebut, Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan awal untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit.

Di samping itu, pensampelan rambang atau random sampling, dengan izin, juga dapat dijalankan untuk memastikan bahawa pemeriksaan kesihatan serta ujian makmal benar-benar dijalankan oleh klinik-klinik dan mahkamah patologi yang berkenaan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak? Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat memang mempercayai kepada Fomema yang dianggap sebagai satu penawar untuk menyelesaikan masalah penyakit berjangkit yang dibawa oleh para pekerja asing.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa dengan adanya Fomema ini, yang pertama, kadar bayaran itu boleh ditetapkan pada kadar yang munasabah. Yang kedua, pilihan doktor begitu arbitrary, bahkan juga satu pilihan yang munasabah. Yang ketiga, ini memang Yang Berhormat bolehkah menjamin bahawa ini bukan satu monopoli sahaja. Satu monopoli memberi peluang kepada segelintir orang untuk meraih keuntungan semata-mata.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat jumpa dengan early, belum mendengar sampai habis berkenaan dengan perkara ini, memang ada jawapannya di sini. Oleh itu, sabarlah sedikit. [*Ketawa*]

Mengenai dakwaan bahawa orang ramai dan MMA tidak dimaklumkan tentang penswastan yang dilaksanakan ianya adalah tidak benar kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri telah membuat kenyataan akhbar mengenai keputusan kerajaan untuk melantik syarikat berkenaan pada bulan September 1996.

Di samping itu, Syarikat Fomema telah pun mengadakan perjumpaan dengan MMA pada 27 September 1996. Laporan perbincangan tersebut telah pun disiarkan dalam *Berita MMA* pada keluaran November 1996.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan di sini bahawa isu monopoli oleh Syarikat Fomema adalah tidak benar sekali kerana Syarikat Fomema Sdn. Bhd. tidak terlibat secara langsung dalam pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Penswastan hanya melibatkan pengawasan dan penilaian klinik-klinik makmal x-ray dan makmal pethologi. Pemeriksaan perubatan pekerja asing adalah terbuka kepada mana-mana pengawal perubatan yang berdaftar di Malaysia.

Klinik-klinik dan makmal-makmal yang berminat perlu berdaftar dengan Syarikat Fomema Sdn. Bhd. yang akan menentukan bahawa pemeriksaan yang dijalankan adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri. Dalam perjanjian konsesi, pihak syarikat tidak boleh menolak mana-mana permohonan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan. Itulah jawapan saya.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menafikan bahawa inilah merupakan satu monopoli, oleh kerana tidak ada badan yang lain yang boleh dibenarkan untuk menguruskan perniagaan ini dan kalau kita mahu ada satu kedudukan persaingan terbuka, open competitive position, dengan izin, yang boleh menguntungkan rakyat, menguntungkan semua pihak yang perlu menggunakan, yang terlibat dalam perkara ini, bukankah lebih baik mengadakan satu lembaga, satu board, di mana memberi lesen kepada semua pertubuhan atau organisasi yang mahu menjalankan pemeriksaan perubatan pekerja-pekerja asing atau mengawal, monitor pekerja-pekerja asing dan mereka kalau boleh menyesuaikan kriteria yang ditetapkan oleh lembaga itu, mereka diberi lesen. Tetapi open competitive kedudukan dan bukan satu monopoli oleh Fomema, kenapakah cara ini tidak digunakan, adakah cara ini, option ini difikir, dikaji dan ditolak dan kalau ditolak kenapa ditolak, kalau tak pernah difikir, kenapa tak pernah difikir?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dua syarikat juga yang memohon dan kedua-dua syarikat kita cantumkan buat satu syarikat iaitu Syarikat Fomema Sdn. Bhd. dan seperti yang telah saya terangkan tadi, pemeriksaan perubatan pekerja asing adalah terbuka kepada mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar di Malaysia. Itu sahaja mereka yang terlibat dalam ini.

Dr. Yap Yit Thong: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada lagi yang bangun Yang Berhormat. Lumut.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan iaitu untuk pemeriksaan perubatan untuk pekerja asing telah terbuka, mengapa setiap doktor di negara kita mesti mendaftar semula lagi dengan Fomema dan kena caj RM255 untuk pendaftaran dan saya ingin tahu juga macam mana sistem, di mana Fomema boleh mengagihkan pekerja asing kepada setiap orang di negara kita untuk membuat pemeriksaan perubatan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, semua pengamal perubatan perlu berdaftar sebab syarikat itu beri dengan satu komputer lengkap di mana kita

boleh merujuk siapa yang ada membuat pemeriksaan, oleh itu kita boleh melihat adakah, patut boleh dijalankan atau tidak, itulah sebab didaftarkan, kalau tidak susah.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, apa yang doktor sekarang buat bantahan bukan pendaftaran tetapi yuran yang dikenakan, caj RM255 yang dikenakan. Seperti yang sedia maklum, setiap orang di negara kita telah membayar satu caj setiap tahun mengikut peraturan annual practice certificate (APC) di mana setiap doktor dikehendaki membayar RM50 setiap tahun, mengapa ada seorang yang berminat mengambil bahagian dalam pemeriksaan perubatan pekerja asing, mengapa dia mesti membayar lagi sebanyak RM255, oleh sebab mereka sudah dapat APC di mana setiap tahun dia sudah kena caj.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jawapan untuk perkara itu, saya akan beri secara bertulis atas soalan itu.

Mengenai dakwaan bahawa kadar yang dikenakan adalah tinggi, ingin saya maklumkan bahawa kadar yang diluluskan oleh kerajaan adalah

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Sedikit lagi. ... adalah lebih rendah daripada yang dicadangkan oleh MMA. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada permohonan supaya kadar yang diluluskan itu diturunkan lagi, maka kerajaan akan mengkaji semula kadar tersebut agar ianya tidak membebankan.

Mengenai keuntungan sebanyak RM360 juta yang bakal diterima oleh Fomema, kenyataan tersebut adalah tidak benar kerana sebahagian besar daripada kadar bayaran yang dikenakan adalah bagi perkhidmatan pemeriksaan, bayaran makmal, x-ray dan ujian mengandung.

Kos pemeriksaan yang dikenakan meliputi juga kos perlindungan insurans dan kos penghantaran balik jenazah yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Fomema. Fomema juga akan menanggung perbelanjaan untuk menubuhkan cawangan-cawangannya di bandar-bandar utama di seluruh negara. Syarikat Fomema juga dikehendaki membuat pemeriksaan secara rambang ke atas pekerja asing yang baru tiba di Malaysia untuk menentukan bahawa pemeriksaan yang dijalankan di negara asal adalah benar-benar tulen.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, supaya sistem yang dicadangkan ini, satu sistem yang adil dan tidak ada berbau monopoli, melakukan ketidakadilan kepada semua pihak, bolehkah satu sistem lebih adil dan terbuka dijalankan semacam yang pertama tak perlu doktor untuk daftar dengan Fomema tetapi semua doktor yang ada annual practising certificate dianggap sebagai layak dan mereka layak untuk membuat pemeriksaan.

Kedua, bahawa kalau ada satu sistem yang dirangkakan selepas perbincangan antara Fomema, MMA, Kementerian Kesihatan bagaimana selepas pemeriksaan yang dibuat oleh setiap doktor dihubungkan dengan Fomema supaya boleh menyesuaikan kriteria-kriteria yang ditetapkan selepas perbincangan, persetujuan dicapai oleh semua pihak. Tetapi di mana adalah satu pasaran terbuka di mana semua doktor boleh memeriksa, oleh kerana mereka layak untuk periksa, sekarang apa yang dibantahkan ialah kenapa mereka yang sudah layak atau ada annual practising certificate, perlu lagi subscribe, perlu lagi daftar untuk periksa pekerja-pekerja asing, ini tidak adil. Bolehkah satu sistem yang lebih terbuka diadakan supaya tidak berbau monopoli.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan, inilah sistem yang baru kita mahu wujudkan di sini, kita mula melihat macam manalah cara kita menjalankan.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Banyak ada kekeliruan di kalangan doktor bahawa apabila Fomema mengadakan, menganjurkan ataupun yang mengaturkan pemeriksaan ini difikirkan bahawa Fomema sahajalah yang mendapat keuntungan tetapi mungkin para doktor swasta tidak dapat keuntungan.

Jadi, saya minta penjelasan dari kementerian bahawa doktor ini juga mendapat keuntungan apabila mereka telah ataupun akan mendaftar dengan Fomema dan berapakah bayaran setiap seorang ataupun satu-satu klinik setiap seorang yang diperiksa oleh doktor yang berdaftar dengan Fomema ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan perubatan pekerja asing adalah terbuka kepada semua pengamal perubatan yang berdaftar di Malaysia, ianya terbuka bukannya Fomema sahaja. Tetapi yang mereka mahu berdaftar dengan Syarikat Fomema kalau mahu masuk dalam skim ini, itulah cara yang kita jalankan. Pembayaran saya tidak ada butir-butirnya di sini, tetapi kita akan beri secara bertulis.

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun lagi.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, dalam pecahan bayaran RM220 untuk lelaki pekerja asing yang mengambil pemeriksaan perubatan, RM15 untuk membayar insurans. Saya ingin tahu mengapa pekerja asing mahu membeli insurans lagi, tetapi dalam Kementerian Sumber Manusia di mana setiap pekerja asing telah membeli insurans untuk workmen compensation melalui Syarikat London and Pacific.

Mengapa dia hendak membeli satu insurans lagi, itu saya tidak faham. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan dan dalam bayaran untuk makmal, dalam pecahan bayaran makmal, yurannya RM75 tetapi buat masa kini di pasaran, doktor swasta ada kena caj pekerja asing itu RM30 hingga RM50 sahaja, mengapa terlampau tinggi, mengapa caj itu dikenakan sebanyak RM75, mengapa caj yang sangat tinggi. Saya harap pihak kementerian mesti membuat kajian semula berkenaan caj-caj yang tersebut.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menerangkan perkara kadar yang tinggi. Dalam pemeriksaan perubatan pekerja asing terdapat tiga jenis yang diluluskan oleh kerajaan:

- (i) Caj pemeriksaan perubatan atau medical examination fee sebanyak RM195 bagi wanita dan RM180 bagi lelaki;
- (ii) Caj perkhidmatan sebanyak RM25 yang akan dikenakan setiap kali pekerja asing diperiksa, ini adalah termasuk perlindungan insurans sebanyak RM10,000 dan RM2,000 untuk penghantaran balik jenazah sekiranya berlaku kematian;
- (iii) Caj untuk pendaftaran pengamal perubatan sebanyak RM255 sekali untuk 15 tahun untuk tempoh konsesi ini.

Caj yang telah diluluskan oleh kerajaan pada peringkat awal adalah RM205 untuk wanita dan RM190 untuk lelaki. Setelah dikaji semula oleh pihak EPU supaya tidak membebankan pengguna, kerajaan telah bersetuju dengan caj yang telah dikurangkan iaitu RM195 untuk wanita dan RM180 untuk lelaki. Caj ini adalah lebih rendah daripada caj yang telah diminta oleh pihak MMA iaitu RM220.

Caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Syarikat Fomema itu sebanyak RM20 jika dicampurkan dengan caj RM190 maka jumlahnya adalah RM220. Pakej bagi caj

yang telah diluluskan oleh kerajaan adalah untuk pemeriksaan perubatan dan urusan pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan tersebut, Syarikat Fomema sendiri tidak terlibat dalam pemeriksaan perubatan tersebut. Pemeriksaan perubatan ini boleh dilakukan oleh mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar, yang ingin bertugas di Malaysia. MMA telah meminta supaya caj yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan dikurangkan tetapi pada masa yang sama meminta supaya caj bagi pemeriksaan fizikal iaitu RM60 yang telah diluluskan dinaikkan sehingga RM80. Kedua-dua permintaan ini bercanggah di antara satu sama lain.

Caj pendaftaran untuk pengamal perubatan swasta ini adalah bagi caj untuk legal fee serta bayaran untuk software programme. Bayaran ini adalah sekali sahaja untuk 15 tahun. Satu contractual agreement, dengan izin, akan diadakan di antara Syarikat Fomema dan setiap klinik, pusat x-ray dan makmal supaya pengamal syarikat bersama pegawai Kementerian Kesihatan dapat melawat klinik pusat x-ray dan makmal untuk memastikan kualiti pemeriksaan tidak diabaikan. Inilah kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bilakah monopoli Fomema akan dikuatkuasakan?

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama, bilakah monopoli Fomema akan dikuatkuasakan?

Kedua, memandangkan bantahan seluas-luasnya oleh semua pengamal perubatan (medical practitioner) dan MMA, bolehkah Kementerian Kesihatan membekukan segala penguatkuasaan monopoli Fomema ini supaya satu perundingan yang seluas-luasnya boleh diadakan dengan MMA dan semua medical practitioner untuk mendapatkan bantahan-bantahan mereka.

Ketiga, oleh kerana inilah patut boleh memenuhi kepentingan orang ramai, adakah Kementerian Kesihatan sanggup untuk membentangkan satu kertas khas dalam Dewan yang mulia ini, termasuk mungkin untuk memberi satu peluang ahli-ahli Dewan untuk buat keputusan sama ada sokong monopoli Fomema ini atau tolak. Ini menjadi satu panduan untuk tindakan kerajaan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pihak opposition memang minta white paper untuk table di Parlimen. Cara yang kita jalankan ini kena fikir yang adil. Memang ini ada diluluskan oleh Kabinet, kita fikir boleh dapat faedah dari ini, kita jalankan, kita tidak mahu bentangkan white paper atau apa-apa di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Senai pula.....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan sedikit. Saya ingat soal monopoli di sini tidak begitu ketara kerana ahli Fomema ini pemegang sahamnya ialah Anjung Dinamik dan juga Koperasi Doktor-doktor Malaysia. Mungkin yang dilihat di sini, apabila Fomema ini mengatur pendaftaran ataupun pemeriksaan pendatang-pendatang asing ini bukan mereka yang membuat pemeriksaan, sekurang-kurangnya apabila ini dibuat, saya rasa ini boleh membuat pendaftaran secara teratur dan sekali gus memberi peluang kepada empat kumpulan untuk berniaga dengan Fomema, iaitu yang pertama sekali ialah klinik-klinik yang mempunyai x-ray sendiri yang mungkin diberi peluang. Yang kedua, makmal-makmal perubatan swasta yang mungkin juga boleh berhubung dengan Fomema. Yang ketiga,

daripada klinik-klinik swasta yang mana boleh berhubung dengan Fomema, seperti yang dikatakan tadi. Yang keempat, mungkin juga ada hospital-hospital swasta.

Jadi, dengan adanya pengaturan sebegini kita memang mengalu-alukan, tetapi saya minta kalau boleh kementerian juga dapat mengatur supaya pemberian, misalnya pemberian untuk membuat x-ray, pemberian untuk makmal diberi peluang kepada mereka yang ada pusat-pusat x-ray dan pusat-pusat makmal. Mengenai dengan klinik-klinik swasta tadi, itu memang sudah diarahkan supaya didaftar dengan Fomema, jadi yang lain-lain pun diberi peluang. Itu sahaja pandangan saya. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian saya boleh ambil perhatian perkara ini bersama pegawai dan kita boleh kaji mengenai apa perkara yang disebutkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Senai pula telah membangkitkan isu berkenaan kekurangan kakitangan di pusat kesihatan.....

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Lumut bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Yap Yit Thong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, lagi sedikit penjelasan. Saya ingin tahu berkenaan Anjung Dinamik yang memegang saham dalam Fomema 75%. Saya ingin tahu siapa dia pemegang saham dalam Anjung Dinamik? Dan saya hendak dapat sedikit penjelasan juga, adakah diwujudkan satu sistem di mana Fomema boleh mengagihkan pekerja asing kepada setiap doktor yang berkhidmat membuat pemeriksaan untuk pekerja asing, adakah sistem? Oleh sebab buat masa kini saya difahamkan tiap-tiap doktor yang berminat mengambil bahagian dalam perkhidmatan ini mesti membeli sendiri sebuah komputer tetapi tidak ada gerenti tiap-tiap doktor boleh dapat pekerja asing untuk membuat pemeriksaan perubatan. Sekian, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, detailnya kita belum ada. Satu masa akan datang kita akan beritahu Dewan yang mulia ini. Siapa yang pegang saham syarikat Anjung Dinamik, saya tidak ada butir ini, saya akan beri secara bertulis.

Ahli Yang Berhormat dari Senai pula telah membangkitkan isu berkenaan kekurangan kakitangan di pusat kesihatan dan klinik kerajaan di mana pesakit perlu menunggu giliran yang panjang sebelum dapat dirawat. Kementerian Kesihatan amat prihatin dengan kualiti perkhidmatan yang diberi di peringkat klinik kesihatan. Bagi mengurangkan perbezaan peluang mendapatkan rawatan dan penjagaan kesihatan di kawasan pedalaman, satu polisi telah diwujudkan supaya setiap klinik kesihatan ditempatkan dengan seorang pegawai perubatan. Bagi klinik kesihatan yang sibuk dan mempunyai beban kerja yang berat, lebih dari satu pegawai perubatan telah ditempatkan bagi mengurangkan masa menunggu.

Yang Berhormat dari Senai juga membangkitkan isu kos rawatan perubatan di pusat perubatan klinik swasta yang semakin meningkat. Beliau dan Ahli Yang Berhormat dari Sepang berpendapat pihak swasta masih memandang keuntungan daripada tanggungjawab sosial.

Ahli Yang Berhormat dari Senai seterusnya mengesyorkan penubuhan lebih banyak hospital swasta. Beliau juga mengesyorkan supaya pakar perubatan asing bekerja di hospital-hospital swasta. Kementerian Kesihatan memang peka terhadap peningkatan kos rawatan. Dalam mengawal kos rawatan perubatan di sektor swasta, satu peruntukan berhubung pengawalan kos rawatan telah dipertimbangkan oleh Kementerian Kesihatan di dalam penggubalan rang undang-undang baru bagi kemudahan kesihatan swasta. Kementerian ini tidak menghalang penubuhan hospital-hospital swasta. Walau bagaimanapun, penubuhan hospital swasta atau kemudahan

kesihatan swasta di sesebuah kawasan perlu dirancang bagi menggalakkan penubuhan hospital swasta tertumpu kepada sesuatu kawasan sahaja.

Pada dasarnya Kementerian Kesihatan membenarkan pengambilan pakar-pakar perubatan asing bekerja di hospital-hospital swasta dan hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi oleh hospital-hospital swasta sebelum permohonan mereka dipertimbangkan.

Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas sokongan Ahli Yang Berhormat dari Senai dan Sepang terhadap langkah kerajaan untuk menubuhkan skim insurans kesihatan, membangunkan perkhidmatan teleperubatan dan galakan elaun pelaburan 60% kepada hospital swasta ke atas perbelanjaan bagi penubuhan wad khas untuk golongan berpendapatan rendah. Kementerian Kesihatan akan menyediakan peraturan dan garis panduan yang jelas bagi melaksanakan dasar-dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang, Bayan Baru dan Kepong telah membangkitkan isu-isu wabak denggi, coxsackie dan jerebu dan menyarankan supaya diadakan langkah-langkah pencegahan wabak-wabak tersebut. Memandangkan isu-isu mengenai wabak denggi dan coxsackie telah kerap kali dibangkitkan di Dewan ini dan telah dijawab secara terperinci oleh Kementerian Kesihatan, maka tidak perlu bagi saya untuk mengulanginya lagi.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Tidak payahlah. Isu itu kita sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencegahan jerebu pula ianya memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah segera dalam menangani masalah kesan jerebu kepada kesihatan rakyat. Aktiviti pendidikan kesihatan yang lengkap telah diberi kepada semua lapisan masyarakat melalui media massa, kempen dan pengedaran risalah-risalah mengenai kesan-kesan jerebu kepada kesihatan. Langkah ini diambil sebagai satu usaha untuk memastikan rakyat mengetahui kesan dan bahaya jerebu. Kementerian juga menyediakan bekalan rawatan yang mencukupi bagi menghadapi sebarang kemungkinan akibat daripada kesan jerebu. Di samping itu juga, kementerian menggesa agar semua punca yang menyebabkan jerebu dihentikan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sandakan menyarankan supaya gaji dan elaun doktor dikaji semula agar mereka tidak meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Beliau juga membangkitkan isu mesin dialisis tidak mencukupi dan mengakibatkan rakyat terpaksa membuat rawatan sendiri.

Kementerian Kesihatan telah pun mengkaji semula gaji dan elaun doktor dan telah mengemukakan cadangan tersebut kepada agensi pusat berkenaan untuk pertimbangan.

Berhubung dengan mesin dialisis, Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan rawatan hemodialisis di 28 buah hospital di seluruh negara, 8 lagi dilaksanakan pada tahun 1997 dan 10 lagi dirancang pada tahun 1998. Untuk mengatasi kekurangan kemudahan hemodialisis, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta kepada Yayasan Buah Pinggang Malaysia dan RM3 juta lagi kepada Pusat Dialisis Mawar di Seremban. Di samping itu, kementerian sentiasa berusaha untuk membangunkan moraliti rawatan yang lain, seperti pemindahan buah pinggang dan kemudahan Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD), dengan izin, supaya pesakit tidak bergantung hanya kepada hemodialisis.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading telah menyarankan supaya Kementerian Kesihatan mengkaji dengan lebih mendalam mengenai pembedahan dalam Islam dan hukuman mengenai pemindahan organ. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 23 dan 24 Jun 1990 telah memutuskan fatwa bahawa pemindahan mata dan jantung orang-orang mati kepada yang hidup dibenarkan dengan syarat pemilik memberi kebenaran berdasarkan beberapa pertimbangan-pertimbangan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah membuat teguran mengenai masalah ketagihan ubat batuk di kalangan muda mudi dan hukuman yang ringan yang dikenakan kepada pesalah. Kementerian Kesihatan menyedari akan masalah penyalahgunaan ubat batuk mengandungi codeine di kalangan muda mudi dan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pembekalan ubat batuk yang mengandungi codeine. Kementerian juga sedang mengambil tindakan menggubal pindaan Akta Racun 1992 untuk meningkatkan hukuman kepada pesalah yang menyalahgunakan ubat batuk mengandungi codeine.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar membangkitkan isu pengamal perubatan yang menjalankan dua fungsi, iaitu mendiagnosis dan juga memberi ubat kepada pesakit. Beliau juga telah mencadangkan tugas dispensing diberi kepada ahli farmasi. Kementerian Kesihatan sedar dan bersetuju pada prinsipnya hak dispensing ubat harus diberi kepada profesion farmasi. Sistem ini membolehkan pesakit mendapat manfaat dari perkhidmatan kedua-dua profesion perubatan dan farmasi. Walau bagaimanapun, tugas dispensing ubat oleh ahli farmasi sahaja masih belum dapat dilaksanakan kerana negara masih menghadapi kekurangan ahli farmasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Selangau mencadangkan supaya pembinaan klinik desa di luar bandar Sarawak dipertingkatkan. Beliau juga menyarankan supaya bayaran wad untuk pesakit yang berpendapatan rendah dikurangkan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, dari jumlah keseluruhan RM2.65 bilion yang diagihkan untuk Kementerian Kesihatan, sebanyak RM345.38 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan di negeri Sarawak yang meliputi pembangunan klinik kesihatan, klinik desa, menaikkan klinik desa dan projek pergigian sekolah luar bandar.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Ini berkenaan hal di Sarawak, tidak payahlah Yang Berhormat Kepong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran wad untuk pesakit yang berpendapatan rendah adalah di paras minimum sahaja, iaitu RM3 sehari bagi wad kelas tiga. Bagi pesakit yang tidak mampu, mereka boleh mohon kepada pengarah hospital berkenaan untuk mendapat pertimbangan pengecualian daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada caj-caj hospital berkenaan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya dibina sebuah hospital moden di Sepang, kerajaan masih dalam peringkat perancangan untuk membina sebuah hospital baru iaitu Hospital Putrajaya di daerah Sepang bagi menggantikan cadangan pembinaan hospital Sepang. Hospital ini apabila siap akan dapat memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk di kawasan Sepang.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu mencadangkan supaya dilaksanakan undang-undang untuk mengawal pembuat dan peminum alkohol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal kebersihan premis kilang, standard kandungan alkohol dalam minuman beralkohol dan juga perihal label pada

minuman tersebut. Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menggubal undang-undang dan peraturan untuk mengawal peminum alkohol.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan mewujudkan satu strategi bersepadu untuk membasmi kemiskinan luar bandar di Sarawak. Di dalam usaha membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar di Sarawak, Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan dua program khusus untuk membantu meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan golongan miskin iaitu program pemulihan kanak-kanak kekurangan zat makanan dan program pemulihan pemakanan ibu mengandung termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan dan jawapan-jawapan saya kepada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kesihatan. Jika terdapat teguran-teguran dan jawapan-jawapan yang tidak diberi di Dewan yang mulia ini, suka saya memberi jaminan bahawa kementerian ini tetap memberi perhatian yang serius kepada perkara-perkara yang dibangkitkan kepada kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Usahawan.

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas, Yan, Tambun, Kangar dan Sungai Benut yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1998 mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat dari Bukit Mas telah meminta supaya kementerian menjelaskan tentang strategi dan pelan tindakan untuk mempertingkatkan jumlah golongan bumiputera dalam kelas menengah bumiputera sebelum tahun 2020. Begitu juga soalan yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut. Sebenarnya semenjak agenda golongan menengah bumiputera dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelbagai kaedah dan pendekatan sama ada jangka masa pendek dan jangka masa panjang telah dikenal pasti dan dilaksanakan oleh kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri bagi mencapai matlamat meningkatkan bilangan golongan menengah bumiputera. Di antara langkah-langkah yang akan diambil ialah:

- (i) penglibatan dalam projek penswastaan;
- (ii) management by out (MBO);
- (iii) pembahagian dan pemilikan saham;
- (iv) pemberian kontrak;
- (v) pembangunan tanah dan hartanah;
- (vi) pembangunan ruang niaga;
- (vii) latihan dan pendidikan;
- (viii) program syarikat, kerajaan dan swasta;
- (ix) pembangunan industri kecil dan sederhana; dan
- (x) penyertaan dan pengedaran serta pemborongan.

Pelaksanaan program dan kaedah pendekatan berkenaan adalah menyeluruh dan merangkumi semua negeri, termasuklah negeri Sarawak. Di samping itu, kerajaan-kerajaan negeri mempunyai program mereka masing-masing yang dilaksanakan dalam melengkapkan usaha Kerajaan Persekutuan untuk mencapai matlamat ini. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan bersama-sama dengan agensi lain,

kerajaan dan syarikat swasta akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan program-program tertentu dan menambah bilangan golongan menengah bumiputera di negeri Sarawak tanpa mengetepikan kawasan Ahli Parlimen Bukit Mas.

Berkenaan dengan peruntukan di bawah perbelanjaan kementerian, peruntukan sebanyak RM214 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program seperti program vendor, francais, pembangunan IKS, skim pinjaman kepada usahawan serta pembelian ruang perniagaan yang bertujuan untuk menambah lagi usahawan kelas menengah.

Untuk pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut tentang meningkatkan golongan menengah bumiputera melalui program pembangunan vendor dan francais, semasa kini kementerian telah berjaya membangunkan 318 franchisee dan 156 vendor di bawah program ini dan akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Yan juga telah menegur bahawa francais-francis luar negara ini telah terlalu banyak mengutip royalti, sebab itulah masa kini kementerian lebih menggalakkan pembangunan produk-produk francais tempatan. Untuk menggalakkan produk-produk francais tempatan ini, kementerian juga telah melancarkan skim bantuan pembangunan francais untuk memberi bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan membangunkan perniagaan francais tempatan mereka.

Yang Berhormat dari Tambun juga telah bercerita tentang perancangan formula untuk meningkatkan penyertaan usahawan sehingga tahun 2020. Kementerian Pembangunan Usahawan sememangnya telah membuat perancangan tertentu untuk meningkatkan penyertaan usahawan sehingga tahun 2020 nanti. Di dalam perancangan tersebut, perkara yang diberi penekanan ialah termasuk mengadakan sasaran target tertentu bagi setiap program yang ditekankan, menyediakan pakej-pakej pembiayaan, mengadakan skim-skim latihan, menyediakan maklumat-maklumat untuk usahawan serta memberi khidmat nasihat dan bimbingan untuk usahawan.

Yang Berhormat dari Kangar telah meminta MARA mengutip kembali hutang tertunggak dan katanya pegawai MARA haruslah jujur dan ikhlas di dalam menjalankan amanah tersebut. MARA masa kini sedang dan akan melaksanakan pelbagai usaha untuk mengutip kembali hutang yang tertunggak dan usaha-usaha yang telah dijalankan masa kini ialah di antaranya, dengan menghantar surat-surat peringatan dan notis tuntutan dan sehingga kini 3,665 tindakan mahkamah sivil telah diambil, 340 tindakan ke atas tanah cagaran juga telah diambil kepada peminjam-peminjam yang ingkar. Di samping itu juga, 1,254 nama-nama peminjam yang ingkar telah diletakkan di dalam akhbar. Di samping itu juga, pegawai-pegawai MARA mengadakan lawatan berjadual ke projek-projek diberi pinjaman dan juga mereka memberi bimbingan serta tunjuk ajar kepada mereka yang tidak mampu membayar balik. Kita juga sentiasa melatih pegawai-pegawai MARA supaya menjalankan tugas mereka dengan jujur dan amanah.

Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh tentang fungsi MARA dalam memberi kemahiran teknikal kepada belia bumiputera. Beliau juga mencadangkan supaya kita memperbanyakkan lagi Pusat Giat MARA. Setakat ini sebanyak 120 Pusat Giat MARA dalam 116 kawasan Parlimen telah pun beroperasi, sementara 40 buah lagi Pusat Giat MARA telah pun diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh menjadikan 160 buah Pusat Giat MARA dalam 152 kawasan Parlimen. MARA sememangnya bercadang untuk mewujudkan Pusat-pusat Giat MARA di semua kawasan Parlimen mengikut keperluan tenaga kerja semasa dan kelulusan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat dari Kangar juga mencadangkan pelatih-pelatih yang menyertai latihan di Pusat-pusat Giat MARA perlu diberi pendidikan agama. Oleh itu, MARA melalui Surat Pekeliling Am Bil. 9/97 bertarikh 19 April tahun ini mengenai

pengawasan dan pengawalan masalah sosial dan gejala dadah di kalangan pelajar-pelajar institusi MARA telah dikeluarkan dan akan diperkuatkan dan kuliah-kuliah agama juga dipergiatkan lagi di semua Pusat-pusat Giat MARA.

Berhubung dengan cadangan untuk menukarkan nama Pusat Giat MARA kepada Pusat Teknikal Islam, pihak kementerian akan mengambil makluman cadangan itu.

Yang Berhormat dari Kangar juga menyarankan agar MARA menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang IT. Langkah-langkah telah diambil untuk mempergiatkan juga latihan-latihan di bidang IT di MRSM, IPM, IKM dan juga di Pusat Giat MARA.

Yang Berhormat dari Sungai Benut mencadangkan supaya diwujudkan satu dana untuk membolehkan bumiputera menyewa dan memiliki premis yang dimajukan oleh agensi kerajaan dan swasta. Masa kini usaha-usaha akan diambil untuk mewujudkan dana bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan seperti MARA, UDA Holding Sdn. Bhd., Perbadanan Nasional Bhd. dan PKEN-PKEN untuk membeli ruang-ruang niaga dan kemudiannya akan disewakan atau dijual kepada pengusaha-pengusaha atau usahawan bumiputera.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Sungai Benut tentang wujudnya perbadanan kerajaan ekonomi negeri yang menjadi pesaing kepada bumiputera, perkara ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam perjumpaan dengan PKEN-PKEN supaya mereka tidak mewujudkan persaingan tersebut dan memberi peluang kepada bumiputera-bumiputera untuk bergiat lebih maju lagi di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat dari Sungai Benut juga telah bercerita tentang pendedahan usahawan bumiputera kepada MSC, kementerian telah mengadakan dua seminar sehingga kini. Satu sesi penerangan pada tahun ini untuk memaklumkan peluang yang ada kepada usahawan-usahawan di MSC dan kementerian bekerjasama rapat dengan MDC, MIMOS dan agensi-agensi kerajaan yang berkait rapat dengan perkembangan MSC untuk memastikan usahawan-usahawan bumiputera juga tidak ketinggalan di dalam hal ini.

Berhubung dengan pemberian permit teksi yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut tadi yang telah diberikan permit limousine kepada syarikat yang akan beroperasi di KLIA, sebenarnya kementerian telah menawarkan permit itu kepada sebuah syarikat, iaitu Syarikat Airport Limo menerusi tender terbuka. Sebenarnya syarikat ini merangkumi pengusaha-pengusaha di Terminal 1, 2 dan 3. Pengusaha-pengusaha di Terminal 1 diwakili oleh konsortium Pengusaha dan Pemandu Limo Lapangan Terbang Subang, manakala di Terminal 2 ianya diwakili oleh syarikat Limura dan juga syarikat Zalnas. Oleh yang demikian, pemandu-pemandu dan pengusaha limousine Lapangan Terbang Subang memang telah diberi peluang.

Itulah sahaja.....

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, di belakang Yang Berhormat. Ya, Sungai Benut.

Tuan Idris bin Jusoh: Sila.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berhubung dengan masalah penawaran tender terbuka itu, apakah kandungan syarat-syarat di dalam tender terbuka? Adakah pihak kerajaan mendapat balasan? Apakah bentuk balasan yang diterima oleh pihak kementerian dan kerajaan? Adakah dengan cara tender ini akan dapat meningkatkan prestasi

perkhidmatan limousine yang akan menjalankan perkhidmatan di Kuala Lumpur International Airport.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Benut. Rupanya ada juga orang hendak bertanya pada hari ini. Saya ingat tadi cepat, kita boleh siap pada petang ini. Sebenarnya syarat-syarat yang telah dikemukakan dalam tender terbuka tadi ialah syarat-syarat yang agak ketat juga untuk memastikan perkhidmatan teksi di KLIA ini selaras dengan perkhidmatan-perkhidmatan di lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang lain ataupun lebih daripada tempat lain kerana memastikan imej negara kita ini tidak terjejas kerana pernah saya sendiri walaupun sebagai seorang Timbalan Menteri dahulu, naik teksi nampak jalan kerana bocor lantainya. Ada juga pernah kena pegang pintu teksi kerana teksi tidak boleh tutup pintu, kita kena pegang pintu teksi, masa itu saya baru jadi Timbalan Menteri, mereka tidak kenal saya.

Jadi, untuk memastikan perkhidmatan teksi kita ini terutama di airport, yang baru turun daripada kapal terbang ini, memastikan yang perkhidmatan kita itu baik, maka syarat-syarat yang ketat telah dapat memastikan ia selaras dengan kehendak-kehendak KLIA.

Isu yang sentiasa berbangkit ialah kemampuan syarikat-syarikat ini untuk mengendalikan selaras dengan teknologi canggih masa kini yang mana teksi-teksi itu boleh dipanggil dengan cara yang baik, dengan menggunakan sistem-sistem elektronik dan sebagainya. Tetapi yang asasnya kerap kali menjadi pertanyaan ialah penglibatan pengusaha-pengusaha. Kementerian sejak daripada awal lagi memastikan yang pengusaha-pengusaha di lapangan terbang yang ada masa kini diberi peluang, sebab itulah pengusaha-pengusaha daripada Terminal 1, 2 dan 3 diberi peluang sejak daripada mula lagi.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan insya-Allah, saya tengok yang ambil bahagian ini pun memang mereka yang minat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, jika tidak mencukupi, bolehlah kita membuat sesi-sesi yang lebih detail lagi pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

6.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, Hulu Langat, Pengkalan Chepa, Tuaran, Teluk Intan dan Kubang Kerian yang telah sudi membicारा hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Larut dalam perbahasannya yang lepas telah menyatakan bahawa beliau mahu maklumat terperinci tentang FELDA yang berpotensi hendak dijual dan syarat-syarat yang dikenakan untuk pembangunan tanah yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam rekod FELDA terdapat 10 rancangan tanah di negeri dalam peringkat rundingan untuk dimajukan. Rancangan-rancangan tersebut ialah Sungai Buaya, Bukit Cherakah, Gedangsa, Suharto, Sungai Tengi, Sungai Tengi Selatan dan semua rancangan ini terletak di negeri Selangor, manakala satu rancangan di negeri Perak iaitu di Behrang, dua rancangan di Negeri Sembilan iaitu LBJ dan Sendayan dan satu di negeri Johor iaitu Cahaya Baru. Kesemua 10 rancangan tanah tersebut terdiri daripada 4,378 peserta dan melibatkan keluasan tanah berjumlah 17,542.23 hektar.

Berkaitan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian untuk membolehkan pemaju membangunkan semula tanah FELDA tersebut daripada pertanian kepada perindustrian, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- (i) cadangan untuk pembangunan semula rancangan perlu dikemukakan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi;
- (ii) keputusan dasar sama ada setuju atau sebaliknya hendaklah diperolehi dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi;
- (iii) jika persetujuan diperolehi, keputusan dasar serta pandangan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi seterusnya dimaklumkan kepada kerajaan negeri dan pemaju yang dipilih membangun semula tanah rancangan FELDA bolehlah membuat dan memajukan permohonan kepada kerajaan negeri mengenai bentuk pembangunan yang akan dilaksanakan kelak;
- (iv) permohonan ini dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) melalui Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) pertubuhan peneroka atau badan induk lain yang mewakili peneroka;
- (v) badan induk yang mewakili peneroka sama ada JKKR mestilah mendapat persetujuan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah peneroka di rancangan; dan
- (vi) cadangan pembangunan semula tanah rancangan FELDA dari pemaju hendaklah selaras dengan struktur pelan pembangunan kerajaan negeri.

Yang Berhormat dari Hulu Langat telah menanyakan mengapa tanah perkuburan di Ibu Kota dipindahkan ke kawasanya, di Semenyih dan jika pembangunan dilakukan di atas tanah tersebut, ini akan menyebabkan kesesakan di Ibu Kota. Yang Berhormat itu juga mohon agar setiap kawasan perumahan disediakan tanah perkuburan. Yang Berhormat juga mempersoalkan mengenai pengambilan tanah projek Kajang-Seremban Highway sepanjang 48.5 kilometer sedangkan jarak Kajang ke Seremban hanya 40 kilometer.

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara lain-lain sebab tanah perkuburan tersebut dipindahkan ke kawasan lain adalah kerana tanah perkuburan sekarang telah penuh dan tidak dapat digunakan lagi. Ianya juga tidak sesuai dalam konteks pembangunan tanah yang optimum, namun demikian, kawasan gantiannya masih dalam kajian.

Mengenai permohonan supaya setiap kawasan perumahan disediakan tanah perkuburan, perkara ini tertakluk kepada keperluan semasa dan perancangan tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan tanah bagi Lebuhraya Seremban sepanjang 48.5 kilometer adalah dikira berdasarkan dari Kajang by-pass, iaitu yang bermula sebelum pusat bandar Kajang dari Kuala Lumpur hingga ke Temiang interchange, iaitu selepas pusat bandar Seremban dan bukannya dikira dari pusat bandar Kajang hingga ke pusat bandar Seremban. Berdasarkan kepada keadaan ini, jarak lebuhraya adalah lebih panjang dari jarak di antara pusat bandar Kajang ke pusat bandar Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyentuh mengenai pindaan Akta Pengambilan Tanah. Beliau berharap orang Melayu masih boleh berada di bandar walaupun tanah mereka telah diambil balik. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, orang Melayu masih boleh berada di bandar walaupun tanah mereka telah diambil balik oleh kerajaan di mana tuan-tuan tanah yang terlibat dibayar pampasan bagi tanah-tanah mereka yang diambil balik itu berdasarkan nilai pasaran semasa.

Mana-mana pemaju perumahan di bandar-bandar memang memerlukan pembeli bagi rumah-rumah yang didirikan, oleh itu tuan-tuan tanah yang mendapat pampasan bolehlah menggunakan sebahagian daripada wang pampasan yang mereka terima untuk membeli rumah atau rumah kedai daripada pemaju yang berkenaan. Walau bagaimanapun, ini adalah pilihan tuan-tuan tanah yang terlibat itu sendiri. Kalau mereka sendiri tidak berminat untuk membeli rumah di bandar, maka kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.

Di samping itu, dalam Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, tuan-tuan tanah memang diberi peluang untuk menyertai projek pembangunan yang melibatkan pengambilan tanah mereka di bandar itu sama ada secara usaha sama atau memegang ekuiti dalam projek, termasuklah ekuiti dalam bentuk rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tuaran telah menanyakan tentang pemberian tanah yang berlebihan di Sabah untuk ditanam dengan balak dan ini akan mengurangkan kawasan pertanian dan tindakan kerajaan negeri yang mengambil tanah rakyat dengan harga yang murah. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Kementerian hanya boleh memberi nasihat kepada kerajaan negeri dalam menangani masalah ini melalui mesyuarat Majlis Tanah Negara. Adalah diharapkan kerajaan negeri akan lebih prihatin dan mengambil kira kepentingan penduduknya dalam soal pengurusan tanah.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah memohon agar penduduk yang mendiami tanah setinggan tidak diusir begitu sahaja, tetapi hendaklah diberi tanah ataupun rumah murah. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, dasar setinggan dan pemberian tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya sedar bahawa bidang kuasa mengenai tanah adalah di bawah bidang kerajaan negeri, akan tetapi bukannya satu polisi patut diwujudkan supaya satu polisi yang konsisten, yang boleh dilaksanakan di semua negeri. Macam di negeri Perak di mana tanah-tanah yang sedia diduduki oleh peneroka bandar telah diambil alih oleh kerajaan dan diberi kepada pelbagai firma untuk membangunkannya walhal penduduk di tempat itu telah diusir keluar. Bukankah kerajaan patut menggubal satu undang-undang untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah dasar kerajaan sebenarnya tidak menggalak penempatan ataupun rakyat yang tinggal di tanah setinggan, sebab tanah itu ialah tanah kerajaan. Walau bagaimanapun, hal-hal yang berkaitan dengan tanah dibincangkan di dalam Majlis Tanah Negara dan di situlah dasar-dasar ini digubal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah bertanyakan tentang tanah rizab Melayu yang telah berkurangan akibat dari pembangunan kawasan tersebut untuk projek perumahan swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberi perhatian kepada permasalahan tanah rizab Melayu. Dalam hal ini, kerjasama kerajaan negeri adalah sentiasa diperolehi untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai tanah rizab Melayu. Oleh itu, kenyataan bahawa tanah rizab Melayu yang ada ini telah berkurangan akibat dari pembangunan tanah adalah kurang tepat. Pembangunan yang dilaksanakan tidak menyebabkan kawasan tanah rizab Melayu menjadi berkurangan.

Mengikut maklumat yang ada pada kementerian ini, jumlah keluasan asal tanah rizab Melayu ialah 4.4 juta hektar dan dari jumlah tersebut, sejumlah

46,103.1867 hektar sahaja yang telah diambil di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1990 untuk tujuan pembangunan. Istilah 'pembangunan' di sini ialah untuk projek-projek kerajaan untuk kemudahan awam seperti sekolah, hospital dan sebagainya. Mengikut rekod yang ada di kementerian ini, tiada tanah rizab Melayu yang diambil balik bagi pihak swasta tetapi ada kemungkinan tanah rizab Melayu dibatalkan status rizabnya atas permohonan pemiliknya untuk dibangunkan. Mengikut Perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan, sebarang pembatalan tanah rizab Melayu hendaklah digantikan dengan keluasan tanah yang sama oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah jawapan saya dan sekiranya ada mana-mana perbincangan dan pertanyaan yang tidak dapat saya jawab, sukalah saya beri jaminan bahawa semua perkara yang dibangkitkan akan diberikan perhatian. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diutamakan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadual -

6.14 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM32,392,268,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1998 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.52 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM18,491,268,800 yang diperuntukkan dalam Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan, 1998 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16 hingga P.23, P.31, P.34 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.53 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawannya pada 17 Oktober 1997 yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1997.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] -
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum dibahas, saya rasa elok dihadkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berucap janganlah lebih daripada 10 minit. Jikalau sekiranya seseorang itu berucap memakan masa sehingga satu jam, maka masa kita yang diuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat tidak akan mencukupi. Dengan yang demikian, saya mengehadkan tiap-tiap ahli hendaklah berucap tidak lebih daripada 10 minit. Sila, Kepong.

6.16 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, nampaknya ramai Yang Berhormat tidak sangkalah peringkat Jawatankuasa akan dibahas pada hari ini dan nampaknya tidak ada ramai yang bangun tadi.

Tuan Pengerusi, Maksud B.1, Butiran 010000, mengenai Parlimen. Saya ambil tepat 10 minit sahaja. Saya nampak projek-projek Parlimen ada gimnasium yang baru dan juga ada usaha untuk memperbaiki Perpustakaan Parlimen. Itu satu langkah yang baik dan diharapkan Perpustakaan Parlimen pada tahun-tahun akan datang mungkin akan menjadi satu perpustakaan rujukan yang terbesar di negara ini dan langkah yang pertama telah pun diambil untuk memperbaiki keadaannya. Mungkin pada masa hadapan kita boleh adakan satu bangunan tunggal, bangunan besar bagi Perpustakaan Parlimen yang menunjukkan begitu prihatin Ahli-ahli Parlimen dalam usaha untuk memperluaskan dan memperdalamkan pengetahuan di semua bidang.

Tuan Pengerusi, tetapi ada beberapa perkara lagi yang nampak perlu diperbaiki. Yang pertamanya, mengenai Bilik Pemberita. Bilik Pemberita itu diadakan, kalau tidak silap saya, sudah lebih 30 tahun dan ini tidak secocok dengan perkembangan teknologi maklumat. Sebab itulah saya berpendapat Bilik Pemberita di Bangunan Parlimen ini perlu diubahelokkan secocok dengan perkembangan semasa.

Seterusnya, saya mencadangkan supaya kita mengkaji cara-cara untuk menarik orang ramai menyertai perkhidmatan di Parlimen khasnya untuk Pemberita, kerana kita mahu Penyata Rasmi atau *Hansard* kita dapat dicetak dan ditulis dengan baik, direkodkan semua ucapan di dalam Dewan ini dengan tepat, jitu dan persis.

Kalau itulah hasrat dan matlamat kita, kita perlu mungkin 20 orang Pemberita lagi bagi Parlimen kita, sekarang tinggal 4 atau 5 orang sahaja dan 4, 5 orang itu pun sudah berkhidmat entah berapa tahun. Ini memang satu gejala sosial, satu gejala yang.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, apakah yang Yan mahu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak banyak cerita, Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong ini dok merapu apa, kita banyak lagi bil ini, malam ini pun hendak habis lewat. Jadi, Yang Berhormat goes straight to the point, dengan izin, Tuan Pengerusi, kerana saya pun sekejap lagi banyak hendak bercakap berkenaan Parlimen ini. Apa pendapat Yang Berhormat dari Kepong?

Lagi satu, DAP dok kata barang naik. Dalam hidup kalau barang tak naik ini macam mana, Tuan Pengerusi? *[Ketawa]* Adakah DAP barang tak naik?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya Yan berlagak seperti penjuak sahajalah - penghasut, penjuak. Saya benar-benar buat cadangan tadi tetapi tidak didengar. Itu tabiat dan tabii Yang Berhormat Yan. Ada projek membina tangga di Bukit Jerai, tetapi tidak dijaga tangga itu, sampai sekarang tangga itu tidak dibina dengan baik dan gunung menjadi bukit sekarang.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bangun pula! *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, dalam Parlimen, kalau tidak silap saya, kita tidak boleh bercakap bohong. Yang Berhormat ini tidak pernah pergi pun ke Yan, batang hidung, kot rupa orang lain, muka macam dia pun tidak ada di Yan, macam mana dia boleh tahu tangga ada berapakah atau tidak ada. Tiap-tiap hari tangga dok ada, kita dok penaik tangga. Itulah saya kata DAP ini pasal barang tak naik jadi macam itu. Hak yang kita penaik pun dia tak nampak.

Lagi satu hendak perbetulkan, Tuan Pengerusi, Gunung Jerai, bukan Bukit Jerai. Tak faham bahasa ini macam mana?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kalau bukit itu sekadar paras yang tertentu jadi bukit. Kalau terlalu rendah, hendak jadi gunung pun susah sikit. Yang Berhormat Yan itu 'pi mai pi mai dok tang tu saja'. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, selain daripada cadangan saya untuk memperbaiki keadaan Bilik Pemberita dan juga bilangan Pemberita untuk Penyata Rasmi kita ini, saya pun hendak membangkitkan sedikit sebanyak mengenai B.7, Butiran 090000 Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang menjadi lebih serius di Kuala Lumpur sekarang ini ialah kesesakan lalu lintas dan kesesakan ini telah menimbulkan perasaan terkilan dalam hati dan terkalang di mata. Saya diberitahu bahawa dengan projek-projek memang terkilan. Saya tidak sempat sampai ke sini untuk menjawab dua soalan.....

Seorang Ahli: Untuk menanya!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, untuk menanya, *[Ketawa]* untuk menyoal soalan, dua soalan terlepas begitu sahaja kerana kesesakan - satu jam, satu jam setengah, dua jam tidak sampai sasaran dan matlamatnya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, bangun pula.

Tuan Pengerusi: Yan bangun hendak minta supaya Ahli-ahli Parlimen dapat escort poliskah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya nak cadang macam itu, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Cuma mungkin Yang Berhormat dari Kepong ini teringin sangat hendak menjawab soalan, jadi saya mencadangkan Yang Berhormat masuk Barisan Nasional, mudah-mudahan boleh dapat pangkat Setiausaha Parlimenkah, Timbalan Menteri, jadi bolehlah jawab. Setakat hari ini Yang Berhormat kena tanya sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu buah kedemping sahaja Yang Berhormat dari Yan, seperti sedia kala.

Saya hendak bincangkan mengenai kesesakan lalu lintas. Saya diberitahu oleh Kementerian Pengangkutan bahawa kerana projek-projek melebarkan jalan, projek-projek monorail dan lightrail transit serta projek-projek lain yang menyebabkan kesesakan lalu lintas itu dan mudah-mudahan pada tahun 1999 semua ini akan diselesaikan. Saya tidak percaya ini boleh diselesaikan, kerana pada tahun ini sahaja bilangan kenderaan di negara ini sudah bertambah lebih 1 juta dan bilangan di seluruh negara sekarang lebih 8 juta. Setiap tahun bertambah 1 juta atau lebih.

Macam mana prestasi membina jalan daripada Padang Terap ke sini atau daripada sini ke Johor Bahru kena tambah dua jalan raya, satu tahun pun tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Ini bermakna dasar memiliki kenderaan mesti dikaji semula, kerana sekarang Yang Berhormat dari Padang Terap galakkan semua orang memiliki lebih banyak kereta. Kalau satu orang boleh memiliki lima buah kereta pun, dia galakkan. Ini dasar kerajaan sekarang yang menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Walau bagaimanapun, dengan keadaan kesesakan lalu lintas yang bertambah buruk ini, saya meminta pihak Dewan Bandaraya dan pihak Jabatan Perdana Menteri dan pihak Polis untuk mengkaji, meninjau seluruh kawasan dan mengenal pasti kawasan-kawasan atau tempat-tempat di mana ada kesesakan yang paling teruk, dan kemudian mengambil langkah seperti menambahkan bilangan polis trafik untuk menjaga.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Yan.

6.27 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang B.1 iaitu Parlimen.

Pertamanya, tahun lepas saya bercakap, memang banyak perubahan dalam Dewan Rakyat ini sehinggakan perubahan yang terlampau canggih, sehinggakan Ahli-ahli Parlimen tidak erti hendak gunakan. Ada lampu, tekan suis tak menyala, ada 'binatang' ini tekan apa pun tak keluar. Jadi, saya mintalah kalau boleh duit ini kita gunakan untuk benda yang baik. Kalau buat benda canggih pun, kemudian kita tak faham nak guna, dia jadi pelik, macam tikus tengok besi. Bukanlah makna kita tidak erti, tetapi kita tidak tahu nak gunakan, ini tekan apa pun tak keluar, lampu saya tak menyala, bil bukan saya nak bayar, hak ini Parlimen bayar. Kalau saya tak bayar bil elektrik, dia potong, tak apalah, ini hak Parlimen bayar pun tak menyala. Jadi, saya harap kalau boleh Parlimen prihatinlah benda-benda yang semacam ini.

Yang lain itu, saya nampak sudah elok, Tuan Pengerusi. Kerusi Tuan Pengerusi duduk itu pun sudah elok, cukup antik.....

Tuan Pengerusi: Yang ini sudah lama, daripada tahun 1982 lagi. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi. Cuma lagi satu, saya inginlah kalau boleh menyarankan kepada kerajaan-kerajaan negeri, mungkin melalui Kerajaan Persekutuan supaya kedudukan kami Ahli Parlimen ini di peringkat negeri ini jangan dianaktirikan. Dalam state protokol, kadang-kadang members of parliament, setiausaha parlimen, kadang-kadang timbalan menteri, di dalam kedudukan state protokol itu selalunya di hujung, di belakang. Jadi, saya amat mengharap kalau boleh, kerana parlimen ini kita jaga kawasan besar daripada state, seolah-olah macam kita beristeri dua, tiga. Kadang-kadang satu kawasan parlimen ada tiga kawasan state, satu kawasan parlimen ada dua kawasan state, jarang satu kawasan parlimen ada satu kawasan state, ada yang kata lima kawasan - dia tunjuk jari. Itu pun kadang-kadang member parliament ditinggalnya, diketepikan sedangkan kitalah yang dok berjuang habis-habisan di Parlimen ini untuk meminta peruntukan semula kepada negeri.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bolehkah Timbalan Menteri tanya Parlimen, boleh ya? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Yan adakah dia sedar bahawa Tan Sri sendiri kalau balik ke Kedah dibelakangkan daripada Deputy Public Prosecutor Kedah pada hal Tan Sri sebagai Speaker Dewan Rakyat, satu tempat pembuat undang-undang yang paling tinggi di negara ini dipinggirkan dan Deputy Public Prosecutor didepankan. Jadi, apakah Yang Berhormat memikirkan tentang Yang Berhormat sahaja, tetapi bagi Tan Sri, Yang Berhormat tidak fikir? Yang Berhormat dari Kedah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi, Timbalan Menteri ini pun tidak sabar. Saya hendak pergi ke situlah, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Kalau orang buat lebih kurang kepada Tan Sri, takkan saya nak biarkan.....

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ai! *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, sudahlah kerajaan negeri buat macam itu, Tan Sri pun buat sama, kami macam mana, berilah peluang.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Yang Berhormat sambung besok.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, sambung besok. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang
besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.